

PEMIMPIN UMNO
Chedet.cc
1 August 2016
Tun Dr Mahathir Mohamad

1. Bilakah pemimpin UMNO akan mengakui kebenaran tuduhan yang dibuat terhadap Najib?
2. Sejak mula skandal 1MDB didedah, pemimpin-pemimpin UMNO cuba menidakkan tuduhan terhadap Najib.
3. Kononnya semua tuduhan ini berniat jahat – bertujuan untuk menjatuhkan seorang pemimpin yang dipilih secara demokratik. Mereka sengaja lupakan bahawa Dato Abdullah, PM Malaysia Kelima juga dipilih secara demokratik tetapi dijatuhkan oleh Najib sendiri.
4. Dalam negara demokratik banyak sudah pemimpin yang dipilih dalam pilihanraya yang dijatuhkan sebelum edahnya. Demikian PM Abbott Australia. President Brazil digantung jawatan atas keputusan mahkamah tinggi supaya siasatan dapat dibuat keatasnya tanpa halangan.
5. Sekarang ini pula tuduhan dibuat bahawa saya yang membuat laporan terhadap Najib kepada Amerika Syarikat sehingga laporan berkenaan salahguna kuasa dan melesapkan wang Kerajaan dibuat oleh pasukan keadilan Amerika terhadap Najib.
6. Saya tidak buat apa-apa laporan. Tetapi jika saya buat laporan pun, hanya kerana itu kesalahan Najib tidak akan menjadi tidak salah.
7. Benang basah tidak mungkin ditegak. Percubaan pemimpin-pemimpin UMNO mendakwa Najib tidak bersalah tidak mungkin menjadinya tidak salah. Tuduhlah, kecamlah, makilah. Yang salah tetap salah.
8. Sejak skandal 1MDB didedah, bukti-bukti salahguna kuasa dan penipuan Najib menjadi semakin nyata. Bermula dengan laporan dalam akhbar, ia diikuti dengan laporan oleh Bank Negara, BPR, Auditor General dan PAC. Tiap satu menerangkan kesalahan Najib. Menjadikan laporan-laporan ini rahsia pemerintah tidak berjaya menutup isi kandungan laporan. Di zaman ini tidak ada cara bagi merahsiakan dokumen. Sarawak Report melapor berkenaan wang yang ada dalam akaun Najib di Ambank yang disertai dengan dokumen-dokumen yang tidak boleh disangkal. Najib tidak dapat membuat apa-apa, jauh sekali dari menyaman malu Sarawak Report.
9. Akhirnya Jabatan Keadilan (DOJ) Amerika Syarikat bukan sahaja mengeluarkan laporan bertulis tetapi penjelasan dibuat secara terperinci oleh pegawai-pegawai DOJ melalui TV. Malaysia sudah jadi negara penipu dan rasuah yang terbesar di dunia. Semua orang berasa malu tetapi pemimpin UMNO sahaja yang tidak tahu malu.
10. Walaupun nama Najib tidak dicatit tetapi semua tahu bahawa Malaysian Official 1 (Pegawai Malaysian Nombor 1) ialah Najib. Hanya yang bangang sahaja yang tidak kenal Najib sebagai Pegawai Malaysia Nombor 1. Dan mereka sahaja yang masih sanggup menerima Najib sebagai pemimpin mereka.
11. Wahai pemimpin UMNO berhentilah dari menipu diri. Kamu tahu Najib bersalah. Kamu tahu Najib tidak layak menjadi Perdana Menteri Malaysia.

12. Merahsiakan segala laporan berkenaan dengan kesalahan Najib melalui OSA mungkin mengelirukan sebahagian kecil dari rakyat Malaysia. Tetapi OSA tidak boleh merahsiakan perbuatan Najib di kalangan masyarakat dunia. Kamu, pemimpin UMNO akan dipandang hina kerana masih mencuba meniadakan penipuan Najib dalam pengurusan 1MDB.

13. Kerajaan sekarang menghadapi kekurangan dana. Untuk menampung beban hutang 1MDB rakyat dipaksa bayar cukai GST, tol dinaikkan, subsidi minyak dihapuskan, Langkawi dan Labuan sebagai pulau bebas cukai ditamatkan. Bajet yang besar dibuat tetapi Kementerian, Jabatan dan Agensi-Agensi Kerajaan diarah supaya mengurangkan belanja sebanyak 20%. Bayaran kontrak dilewat-lewatkan.

14. Untuk membayar hutang 1MDB, tanah Kerajaan yang bernilai RM 7000/- skp dibeli dengan harga RM 60/- skp dan dijual dengan harga RM 3,500 skp.

15. Sekarang laporan akhbar luar mendedahkan kontrak membina landasan keretapi di pantai timur yang ditawarkan oleh syarikat Cina sebanyak RM 30 billion dinaikkan kepada RM 60 billion, supaya lebih dari harga kontrak sebanyak RM 30 billion boleh diguna untuk bayar hutang jaminan RM27billion yang dituntut oleh IPIC, Abu Dhabi.

16. Hutang 1MDB boleh dibayar secara ini. Tetapi wang yang dilesapkan melalui 1MDB masih berada di tangan orang yang diketahui melesapkannya. Jenayah ini masih perlu ditangani melalui proses undang-undang. Dengan perkataan lain, walaupun hutang dibayar oleh Kerajaan, penjenayah yang menghilangkan duit 1MDB tidak terlepas dari dituduh dan dibicara dalam mahkamah.

17. Pemimpin-pemimpin UMNO perlu sedar akan hakikat ini dan mendesak supaya proses undang-undang dikuatkuasakan. Jika tidak kamu mungkin dianggap sebagai bersubahat dalam perlakuan jenayah ini.

ENG VERSION

UMNO LEADERS

1. When will UMNO leaders admit the truth of the allegations made against Najib?

2. Since the 1MDB scandal was exposed, UMNO leaders try to deny the allegations against Najib.

3. Supposedly, all these are malicious allegations – with the aim of toppling a democratically elected leader. They deliberately forget that Dato' Abdullah, the fifth Prime Minister of Malaysia, was also elected democratically but was brought down by Najib himself.

4. In democratic countries many leaders elected through general elections were dropped before expiry of their terms. Thus PM Abbott of Australia. The Brazilian president was suspended on the decision of the high court so that investigations on him can be made without any hindrances.

5. Now there is this allegation that I made a report against Najib to the United States resulting in a report being made by Department of Justice on the abuse of power and embezzlement of government money by Najib.

6. I did not make any report. But if I were to make any report, that alone will not make Najib's wrongdoings not wrong.

7. Wrongs cannot possibly be made right. Attempts by UMNO leaders at pleading Najib's innocence will not possibly make the wrongdoings right. Go ahead, accuse, censure, curse. What is wrong is still wrong.

8. Since the 1MDB scandal was exposed, evidence of abuse of power and fraud by Najib is becoming increasingly apparent. Starting with reports in the press, it was followed by a report by Bank Negara, Anti-Corruption Agency, Auditor General and Public Accounts Committee. Each one explained the wrongdoings of Najib. Making these reports government secret did not manage to conceal contents of the reports. In this era there is no way to hide documents. Sarawak Report reported money available in the account of Najib at AmBank accompanied by documents that cannot be denied. He did not do anything, much less sue Sarawak Report.

9. Finally, the Department of Justice (DOJ) of United States not only issue a written report but explanations were made in detail by officials of the DOJ through television. Malaysia has become a big rogue and corrupt state in the world. Everyone felt ashamed except for Umno leaders who do not know how to feel ashamed.

10. Although Najib's name was not mentioned, everyone knows that the Malaysian Official 1 is Najib. Only idiots could not identify Najib as Malaysia Official 1. And they are still willing to accept Najib as their leader.

11. O UMNO leaders! Stop deceiving yourselves. You know Najib is guilty. You know he does not deserve to be the Prime Minister of Malaysia.

12. Making secret, reports in respect of offences by Najib through the Official Secrets Act may confuse a fraction of the people of Malaysia. But the Official Secrets Act cannot conceal Najib's actions to the world community. You, UMNO leaders, will be despised because you are still trying to deny Najib's fraud in the management of 1MDB.

13. The Government is now facing a shortage of funds. To meet 1MDB's debt burden people are being forced to pay GST, toll rates are hiked, fuel subsidies eliminated, Langkawi and Labuan are losing duty-free island status. There is a big budget but Ministries, Departments and Government Agencies have been told to reduce spending by 20%. Contract payments are delayed.

14. To pay the debts of 1MDB, Government land worth RM7000/= per sq. ft. were purchased at RM60/= per sq. ft and resold at RM3,500/= per sq. ft.

15. Now external press reports revealed that a contract to build the railway on the east coast for RM30 billion offered by a Chinese company has been raised to RM60 billion, so that the difference in the contract price of RM30 billion could be used to pay debts guarantee of RM27 billion demanded by IPIC, Abu Dhabi.

16. 1MDB's debt can be paid by this. But money dissipated through 1MDB are still in the hands of identifiable people who dissipated them. This crime must still be addressed through the legal process. In other words, even if the debts are paid by the government, criminals who dissipated 1MDB's money cannot escape prosecution and must be tried in court of law.

17. UMNO leaders must be made aware of this fact and must demand that the rule of law be enforced. If not, you may be considered as accomplices in the commission of this crime.

142 thoughts on "PEMIMPIN UMNO"

1. [Log in to Reply amd trmz](#) Aug 8, 2016 9:35 AM

SI TUA DAN BUDAK AJIB

SI TUA: 'Ajib jangan ambik duit orang berdosa..

AJIB:.....!!

SI TUA: 'Ajib jangan menipu nanti tuhan marah..

AJIB:...Ok

SI TUA: 'Ajib jangan cakap bohong lagi, berdosa..

AJIB:.. Yea

SI TUA: 'Ajib jangan guna duit orang untuk beli barang sendiri, Berdosa..

AJIB:..Tahulah!!

SI TUA: 'Ajib jangan cu....ri....'

AJIB: AH SI TUA NI JANGAN NAK CAMPUR HAL AKU LAH!! Aayik nak aku ikut cakap kau je situa kutuk!! AKU TAU LA HAL AKU, KAU TAK YAH MASUK CAMPUR!!!

Nejib.. Nejib... SAMPAI HATI KAU KATA TUN DR M NAK KAU IKUT TELUNJUK DIA. DIA SI TUA BERPANGKAT AYAH PADAMU. DINASIHATIMU AGAR TIDAK MELAKUKAN KEMUNGKARAN, KEJAHATAN, KESESATAN. DINASIHATIMU DENGAN PENUH KASIH SAYANG. INI BALASANMU!!!

Pelik sungguh sejak beberapa hari ni, nejib banyak cakap. Dia risau parti baru tun???

"NEJIB KATA TUN DR M MAHU IKUT TELUNJUK DIA" Wawancara bersama televisyen INDONESIA

2. [Log in to Reply sibotak](#) Aug 8, 2016 7:08 AM

Setuju dengan Faridina

Pahlawan Bugis ini memang Pencuri & Penipu Besar

Bukan baru sekarang malah dari dulu lagi

Semasa beliau jadi Menteri Pertahanan

Yg Aneh perbuatan ini tidak di cegah sama sekali

Sama tak Sedap Sama Tak Betul

Maka inilah akibat Budaya Kerajaan Melayu

Dulu semasa Menteri Pertahanan

Beliau curi , tipu kapal selam ,jet enjin kapal terbang hanya million

Sekarang jawatan dah besar dah upgrade tak million lagi sudah billion

Kenalah dengan istri beliau Pemboros

Dah kena dah , Si penyagak berkawin dengan si penyamun

Maka inilah hasil zuriat nya dan didikan kepada anak anaknya

Anak pun penyamun berlesen palsu

Begitu juga President UMNO sekarang Penyagak
Maka yg kiri , kanan juga ikut Penyagak
Maka sekarang Malaysia di Kerajaani oleh Penyagak penyagak yg berpegalaman

Dengan Penyagak sebergini dengan Kepimpinan penipu ,pencuri yg berpegalaman
Jangan Risau Kita Malaysia bolih Menipu & Mencuri Dunia
Marilah kita bersama Kerajaan kita sekarang
Menipu & Mencuri Harta Dunia dengan Kepimpinan Tun Najib Razak

Inilah akibatnya apabila Tun Mahathir Mohamed
Memilih Najib kerana Terhutang Budi pada Bapak Najib
Bukan kerana Akhlak , Maruah , Pedoman sesaorang
Inilah Wabak dan Hasilnya sekarang

Hidup Najib ! Hidup Penyamun Malaysia !

3. [Log in to Reply faridina](#) Aug 7, 2016 11:48 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Pahlawan bugis gelaran diberinya sendiri sememangnya jelas menunjukkan dia mampu menggalasnya dengan baik sekali, kita harus akui.

Mana tidaknya pada awal kemelut ini kami rasa macam hendak tergelak apabila dia dengan lantang menempelak balik usaha untuk menjatuhkannya berkait isu 1MDB dan wang RM 2.6 billion lantas bertekad berjuang sehebat seorang pahlawan bugis.

Ahh.. pahlawan bugis kunun, boleh ke bertahan dari serangan Pejuang Rakyat yang cukup berpengalaman dan disegani di seantero dunia? Oh tidak paling kuat dalam 3 bulan gugurlah ia.

Hari ini sudah 18 bulan masa berlalu dan tiada sesiapa pun dapat mengambil tampuk pemerintahan di tangan dia malah ramai telah terkorban (jawatan) dan dikorbankan (jawatan) menjadi dia lebih gagah perkasa dari sebelum ini.

Kemenangan bergaya BN di Sarawak, Sg. Besar dan K.Kangsar menurutnya adalah petunjuk dari Yang Maha Esa bahawa beliau semakin diterima oleh rakyat negara ini.

1MDB adalah isu perniagaan yang telah dipolitikkan musuh2nya dan tiada sesiapa dapat menyiasat secara telus walaupun beliau meminta SPRM, BNM, AG lama dan PDRM berbuat demikian.

Letak ke tepi sykt dana kedaulatan hutang berpuluh2 billion yang sengaja dipolitikkan katanya.

Laporan DOJ hanya agenda campurtangan kuasa asing dengan kerjasama rakyat tempatan dan tindakan mereka adalah secara selektif, berniat jahat dan hanya untuk membuli sebuah negara berdaulat, menurut Najib.

Walaubagaimanapun ada disebut perihal wang USD 681 juta dalam akaun Pegawai Malaysia No.1 yang didakwa berasal dari hasil bond 1MDB disalurkan melalui sykt Tanore dan bagaimana dinyatakan Peguam Negara Malaysia telah mengesahkan jumlah yang sama dalam akaun peribadi Perdana Menteri sebagai derma kerabat Saudi.

Bukankah wajar satu bentuk tribunal bebas ditubuhkan bagi mencari kebenaran hakiki dan inilah peluang Najib membersihkan namanya bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat antarabangsa.

Cukup mudah cuma berikanlah bukti2 pemindahan telegrafik dan mungkin pihak yang mengirim derma boleh mengemukakan slip arahan pemindahan wang dari bank asal.

Takkanlah pemindahan wang sebesar 2.6 billion ringgit tiada rekod? Sedangkan anak2 nak masuk daftar UPU melalui BSN sebanyak RM5 pun dapat slip bukti pembayaran.

Kalau tribunal pun menemui jalan buntu kerana saluran dalam negara telah ditutup maka tidakkah sebilangan rakyat berhak memohon pengadilan di Mahkamah Dunia (ICJ) atau Mahkamah Keadilan Antarabangsa di Belanda di bawah PBB.

Kami rakyat Malaysia mahu mencari kebenaran dan keadilan antara Najib dan DOJ siapa yang berkata benar.

Inilah peluang terakhir yang ada untuk rakyat Malaysia !

Biarlah isu 2 6 billion ini dapat dirungkaikan dengan sebaik2 dan sekiranya benar ianya wang derma maka Najib dan BN tidak perlu berkempen dan dengan mudah memenangi PRU14 nanti.

Bukan itu sahaja ayahanda Tun juga perlu memohon maaf berlintas langsung di stesen televisyen



tempat dan luar negara .

Wasalam Tun.

4. [Log in to Reply The Hidden Secret](#) Aug 7, 2016 7:55 PM

Salam!

Najib dah lama mengamalkan korupsi. Sejak dia jadi menteri pertahanan lagi dia dah biasa buat perkara korup tapi sehingga kini dia lepas. Dia juga tahu ramai lagi pemimpin BN yang korup tetapi tidak dikenakan tindakan. Paling obvious ialah Taib Mahmud. SPRM pun tak boleh siasat Taib Mahmud. Kalau sebagai ketua menteri Taib Mahmud boleh buat billion-billion hinggit, tak kan dia sebagai Perdana Menteri tak boleh buat billion-billion hinggit juga? So dari sini Najib belajar... sedangkan ketua menteri pun SPRM tak boleh siasat, inikan pula dia sebagai Perdana Menteri.

Kalau Najib tak turun sebelum PRU, PRU kali ini akan menjadi PRU yang paling kotor dalam sejarah Malaysia. Knowing what kind of person Najib is, dia akan buat apa untuk menang PRU.

5. [Log in to Reply adelheid](#) Aug 7, 2016 4:14 PM

Dear Tun,

Dear Tun and other readers, do read Datuk A. Kadir Jasin's thoughts on why Tun Mahathir's new party would be Malay-Bumiputera based <http://kadirjasin.blogspot.my/2016/08/new-party-to-be-part-of-multiracial.html>

I believe in you Tun Mahathir. Also all the other leaders especially who have spent and risked their lifetime in trying to save the country – may the force be with you.

Thank you Tun.

6. [Log in to Reply sibotak](#) Aug 7, 2016 4:07 PM

Najib is a Big Liar

He states is the Press , His Govt are serious in looking into 1MDB matters

Those concerns will be Dealt with

Till today Najib did nothing

No thorough investigations is being made

Indeed He is the person that stops the investigation

So Who is the culprits behind these crimes of 1MDB ?

Certainly there

1. Many Wrong Doings

2. There are Crimes abetting to these Wrong Doings

Simply Najib as the PM & The very person in charge of 1MDB

Till today cannot explain to the Right of the People

What he said is just The govt are Serious about it

I see No Efforts in determining What went Wrong OR Who are the Doers

I see if Lim Kit Siang or Tun Mahathir or Anwar Ibrahim

Is the man behind these suspicious

Najib will dig every hole of it

So this is the son of Tun Razak

We call him The Prime Minister

7. [Log in to Reply adelheid](#) Aug 7, 2016 3:25 PM

Dear Tun,

Suka nak quote kata-kata blogger:

Shahbudin Husin

"Hakikatnya, pemimpin-pemimpin UMNO adalah jenis manusia yang tidak pernah melihat cermin untuk melihat perilaku mereka sendiri."

<http://shahbudindotcom.blogspot.my/2016/08/musim-pemimpin-umno-mengautakan-orang.html>

senapangsakti

"Sahih – UMNO itu parti politik, bukan bangsa Melayu...orang Melayu secara mutlaknya tidak memerlukan UMNO untuk terus hidup."

<https://senapangsakti.wordpress.com/2016/07/29/sahih-umno-itu-parti-politik-bukan-bangsa-melayu/>

Do take good care and have a restful weekend dearest Tun Mahathir.

8. [Log in to Reply zulu](#)[Aug 7,2016 11:16 AM](#)

The reason why Najis could still retain his post is because the village people who doesn't focus on national issues thinks that Najis only stole the money for providing benefits to them.

So after the new party formed, Muhydeen should form a campaign group that should go to all villages and make them clearly understand what Najis did to their money and how Malaysia failed. This will make them know the actual facts of Najis's looting job.

9. [Log in to Reply zulu](#)[Aug 7,2016 10:39 AM](#)

A crook is occupying the top post and swindling the people money and there still slaves wanted to keep him there. This is going to affect Malaysia a lot. A proved thief as PM of a country doesn't lasted long like this in history.

10. [Log in to Reply Sri Sense](#)[Aug 7,2016 10:24 AM](#)

Nak sambung sikit

Al-kisah perkataan keling, I baca ini kat Malaysiakini

The circulated clip is 25 seconds long and focuses on Mahathir making fun of Najib's handling of the Islamic State (IS) terrorist group.

"On Najib fighting IS, we can see Najib holding a rifle to fight IS," he said sarcastically.

Mahathir then quipped: "What do the keling say, 'podah' (get lost). All lies."

Tun, I panggil anak I keling at times too. I kata ini bila mereka banyak putar belit, cakap pusing2, tipu-tipu so I akan kata "Wah keling kamu ini".

11. [Log in to Reply PakCik](#)[Aug 7,2016 9:55 AM](#)

Assalamualaikum Tun and muslim bloggers and hello to the rest,

What's next? Tun, TSMY and others have initiated this new party....

What are our contribution?

My suggestion, start to motivate others to get ready to join this party; our family members, friends, neighbors, group members, colleagues and others

Refer to some of the info in Tun's blog...in order to argue/debate effectively

Tqvm...in sha Allah we will succeed.

12. [Log in to Reply Sri Sense](#)[Aug 7,2016 9:53 AM](#)

Salam Tun

Antara berita menarik I baca;

Najib: I refused to be Mahathir's puppet PM

PETALING JAYA: Najib Razak has explained that he chose to be his own man as prime minister instead of being Dr Mahathir Mohamad's puppet.

Speaking on Indonesian television, Najib said that Mahathir was "obsessed with control" and with wanting to call the shots even though he was no longer prime minister.

In an interview with MetroTV, Najib said he chose to be a prime minister responsible to the rakyat and to do what he thought would be best for the country.

– IMAO Najib kata bila dapat jadi PM, Tun Mahathir sudah tidak penting baginya. Dia hanya perlu Tun



Mahathir untuk capai cita2 jadi PM sahaja.

Read More

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2016/08/06/najib-i-refused-to-be-mahathirs-puppet-pm/>

Zahid: There are moves to make S.E. Asia new base for IS

BAGAN DATOH: Intelligence reports show that followers of Abu Bakar Bashir, the former leader of Jemaah Islamiyah, are keen to make South-East Asia the new base for Islamic State (IS), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said.

"I have been told that some of his 300 followers who were in prisons have been released and they went to Batam.

"From there, they want to make South-East Asia the new port for IS," he told reporters yesterday after opening the Bagan Datoh Umno division meeting yesterday.

Abu Bakar Bashir, known as the spiritual leader of JI militants behind the 2002 Bali bombings, was sentenced to 15 years jail in 2011.

Ahmad Zahid said Malaysians should be mindful as extremism has reached a stage where it was no longer "what if" but "when will it happen?"

– IMAO cara PM and wife extreme belanja and that extreme donation from Arab Prince to fight IS, plus the extreme fun in Hollywood, no surprise that IS berminat. We are the devils.

Read More :

<http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/08/07/zahid-there-are-moves-to-make-se-asia-new-base-for-is/>

13. [Log in to Reply rimba.emas](#) Aug 7, 2016 8:39 AM

Salam Tun.

1. Kenyataan daripada PROTEM (Ahli Penganjur) kali ini Parti Baru bukan berasaskan kuasa yang akan ada pada seorang Presiden.

2. Maka awal lagi kita sudah tahu Parti Baru ni lahir berasaskan persoalan yang hendak di bawakan dan perkara pertama yang diubah ialah kuasa yang di berikan keatas seorang Presiden sehingga kebal dari undang-undang.

3. Parti ini juga lahir bukan hanya dari pemimpin serpihan yang kecewa bila kalah dalam perebutan kuasa untuk jawatan tertentu sebaliknya di buang kerana berpihak atas kebenaran perbuatan yang perlu dilakukan seseorang itu.

4. Pasti tindakan yang berani ini mengubah dari keadaan selesa demi kehendak orang lain atau Parti yang di anggap ketuanan selama ini seperti UMNO bukan mudah.

5. Di contohkan perjuangan Rasullullah s.a.w menegak kebenaran penuh ranjau dan onak yang perlu di tempohi.

6. Dalam menempuh perjuangan itu perlukan kesabaran dan ini dapat di capai oleh orang yang kuat jiwanya.

7. Malah pemimpin yang takut berubah atas kebenaran sebaliknya masih menyokong Parti sebab anggapannya keramat (unsur khurafat) kerana tidak dapat di kalahkan oleh Parti baru lain seorang yang lemah dan di dalam kerugian.

8. Kata Allah s.w.t rugi seluruh hidup di kecualikan pada orang yang beriman, amal soleh, mengingat tentang kebenaran, mengingatkan tentang kesabaran.

9. Kita dalam berparti sama seperti manusia lain sebagai mukmin percaya bahawa di sisi Allah s.w.t amalan yang kita tinggalkan itulah kekayaan yang akan kita hadapkan ke hadapan hadrat ilahi.

10. Kebenaran bukan untuk kita seorang sebab itulah Rimba Emas berpesan-pesan bukan menonjol diri tetapi satu perintah yang maha berkuasa agar tidak rugi.

11. Parti baru ini memerlukan kekuatan jiwa untuk menempoh kesusahan yang kadang-kadang sama banyak dengan kemudahan. Banyak orang yang rugi kerana tidak tahan menempoh kesusahan dan halangan hidup dan berhenti di pertengahan jalan.

12. Parti baru ini akan hidup jika kita mengetahui kebenaran, mengamalkan kebenaran itu, mengajar kepada orang yang belum pandai memakainya dan sabar menyesuaikan diri dengan kebenaran dalam amalan serta mengajar.

13. Semua kita buat ini adalah untuk sempurnakan pada diri sendiri dan menyempurnakan pula bagi orang lain.

Wallahua'lam.

14. [Log in to Reply sibotak](#) Aug 7, 2016 6:47 AM

Agreed with Ali AKhbar

Any party needs tonnes of money
Money is the Tone of Life today
It is King It is Angel It is Evil also

And it also destruct Mankind
Its how we look at it

The next PM should be better or worst than Najib
Cash , materialistic plays a major role in Life today
So as in the Field of building up a Party

In today.s world the Word Money
Has becomes more God to Christians, Buddist , Islam , Hindus & many other religion
Money has made Human being Slaves
Slaves to the word we call Cash
Slaves to Time more than Human slaves to their own beliefs

But its not the Govt duty to flourish the people with such
Govt duty is to provide infrastructure , roads , diversion , mechanism
Rules , Do's & Don't to organize , to be in control of the system
Not to be corrupted
Govt has to make it happen
The people will flow and Best man win

Feeding to the needs of the people
Which truly the culture of the Malay for generation
Has done more damages to them than more good
Both the people & the govt
It has bankrupt the GOvt as seen before & till today with tonnes of Debts
Thus its leads to Corruptions in within
It results to a improvident society especially the Malay
They are Spoiled Bred

The new Party of Tun must Break this Chain , this Culture
Yes it helps them in certain ways
Sure it damage them both the Govt & the People in many ways
Cash is never King

Though Tun Party has a long way to go
It will have an impact to UMNO
Tun may need tonnes of money , but money is not just the key to it

Again & again it was never Tun nor our wishes to contest UMNO
We are not here to Contest UMNO for Tun , Muhideen nor Mukhliz
We are contesting the very wrong doings of one Idiot
Bearing the name of Tun Razak

15. [Log in to Reply Fiza Faimy](#) Aug 7,2016 3:53 AM

Peningla baca cerita en karl who the hell ni.. it is complete balderdash! mengalahkan imaginasi J. K Rowling habaq hang!

16. [Log in to Reply musato](#) Aug 6,2016 10:40 PM

Assalamualaikum Tun.

Sedikit sebanyak saya ada la sedikit geram bila tengok bagaimana pihak lawan memberi reaksi kepada beberapa 'kekalahan' yang berlaku pada pasukan Tun.

Ibarat kata pasukan Tun mudah dimakan.

Seperti Pn Sri Sense kata, orang politik ada think tank mereka sendiri. Sebenarnya saya sendiri adalah dalam pasukan think tank Tun Mahathir.

Tapi perlu diingat, nasihat saya pada Tun Mahathir masih belum gunakan dengan cara yang betul lagi. Telah beberapa kali saya memberi peluang pada Tun melaksanakan pandangan oleh orang sekeliling Tun. Ini kerana saya rasa saya perlu hormat pada pandangan rakan rakan Tun.

Lebih lebih lagi saya rasa Tun perlu buat apa yang beliau rasa selesa dengan rakan rakan lama Tun. Itu akan membuktikan samada ia berkesan atau tidak.

Mulai sekarang. Perhatikan.

Terima kasih Tun.

17. [Log in to Reply RD.Aug 6,2016 6:32 PM](#)

The only conspiracy, if there is any, is saving Najib from the long arms of the law.

The fact is, Najib have a penchant for soliciting dubious middlemen and at the same time, wasting billions of Rakyat's money. He even admitted in Parliament, spending RM7.2 Billion on Advisers and Consultants, just 5 years into his tenure.

Remember Razak Baginda?...He took-on a jet-setting lifestyle in kafir-countries, after bagging 'consultation fees' from us, the taxpayers?

It had been 14 years since, but still Altantuya and today her murderer Sirul, can still haunt UMNO and BN at every GE.

Not to mention Deepak Carpet who got RM30 million, interest-free loan from Bank Rakyat.

But Jho Low, the Najib's middleman in 1MDB, went even further. He held a mega-booze wild-party with Hollywood's infamous sexy celebrity, Paris Hilton. Or was it Reza Aziz's idea to start the ball rolling on his film-making venture, The Wolf of Wall-Street. If it was, that publicity sting sure worked wonders. Hollywood's fraternity, California and the whole of US went abuzz with news of the wealthy Chinaman's wild and extravagance party. Paparazzi took pictures of Paris Hilton partying with Jho Low, sold them to media outlets.

Obviously, Jho Low's mega-party raised a lot of eyebrows all over the world. This itself is sort of, a betrayal to Najib and his band of thieves. In-fact, its the smoking-gun that led SR, WSJ and New Times investigative report on 1MDB. Hence the precursor to that so-called, 'conspiracy' to overthrow Najib or maybe, the legitimate government of Malaysia.

Therefore, if there exist foreign interference or aggression against Malaysia, it was Najib's 1MDB that gave the enemy the opportunity to do so. Therefore, Najib is solely to be blamed. The setting-up

1MDB, through public borrowing, was not even brought up to the cabinet for discussion. Maybe the next PM after Pak Lah & Najib, must be barred altogether from holding the Finance portfolio.

18. [Log in to Reply Sri SenseAug 6,2016 5:27 PM](#)

Salam Tun

I kongsi berita yang baru baca;

Najib: My relationship with Jokowi is very good

JAKARTA: Datuk Seri Najib Tun Razak says he has a good relationship with President Joko Widodo (Jokowi) and can work agreeably with the Indonesian leader to strengthen existing bilateral ties.

"He is affable and sincere. We have similar perspective in many issues," said the Prime Minister in an exclusive interview with MetroTV on Friday night.

– hmmm kalau Jokowi tak main golf tapi main badminton, go ahead and snap a photo with him and tell everyone in Malaysia 'kami best friends' but ini tidak akan menidak facts yang foreign investors



suka Indonesia bukan Malaysia. Mereka kata Indonesia bullish, Malaysia bearish.

Read More

<http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/08/06/najib-jokowi-good-relationship/>

Santiago: Ratu Naga has right to BR1M money

PETALING JAYA: Klang MP Charles Santiago has defended the right of government critics to receive aid under the 1Malaysia People's Aid (BR1M) programme if they are eligible.

"There's no conflict of interest," he said in a comment on a blog article that implied that critics of Prime Minister Najib Razak would be hypocritical if they were to accept such aid.

Recently, a blogger shared a Facebook post by user "Rosli Samat", who uploaded a screenshot from the BR1M website revealing that a well known Najib critic, Syarul Ema Rena Abu Samah, was a recipient of the aid.

The caption for the screenshot read: "Mahathir and PakaTun don't like BR1M. But the pro-Mahathir Ratu Naga takes BR1M?"

– Hmmm kalau layak tak salah terima BR1M unless boleh prove dia tak layak terima



BR1M.

Read More

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2016/08/06/santiago-ratu-naga-has-right-to-br1m-money/>

19. [Log in to Reply musato Aug 6, 2016 5:26 PM](#)

Assalamualaikum Tun.

Sejuk hati bila baca komen pasal parti baru.

Saya ada baca blog shahbudin tu.

Baguslah kalau benar begitu.

Lama dulu saya pernah cadangkan supaya perlembagaan 1 (A) dibincangkan – (saya tak ingat dengan tepat seksyen tu). Satu isu semasa yang hangat diperdebatkan ketika itu.

Berkenaan perkahwinan campur.

Namun, Tun dengan tegas bantah cadangan saya dengan kata selama ni dari Tunku Abdul Rahman sampai ke Tun sendiri menda macam tu takde masalah.

Masalahnya adalah Pak Lah. Pak Lah perlu diturunkan. Kata Tun.

Kerana bantahan keras sebegitu, lalu saya katakan, lantak Tun la. Lebih baik saya pergi sambut bayi saya yang baru nak lahir – masa tu tengah tunggu masa.

Kesimpulannya, Tun Mahathir seorang yang berpegang pada perlembagaan dan pegang kata orang tua dengan kukuh.

Seorang yang boleh kita bergantung harap – perasaan setelah baca blog shahbudin.

Berkenaan perkara yang perlu dibincangkan tu, ia telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan telah diwujudkan ahli jawatankuasa mahkamah sivil dan mahkamah syariah.

Terima kasih Tun.

20. [Log in to Reply Sri Sense Aug 6, 2016 2:18 PM](#)

Salam Tun

Nak tambah sikit tentang sekolah, setau I sekolah2 suka ambik businessmen jadi head PIBG supaya senang dapat funds untuk besarkan sekolah or something like that.

Ini sekolah2 biasa bukan sekolah cina or india. Dah lama dah bukan baru, if I'm not mistaken peruntukkan dari gomen tak mencukupi untuk benede2 seperti itu. Even kalau nak buat kelas motivasi for students pun dari tabung PIBG. I tau ini sebab ada kawan yang buat kelas motivasi dari sekolah ke



sekolah.

21. [Log in to Reply Sri Sense Aug 6, 2016 10:50 AM](#)

Salam Tun



@johnnyblaze6996

Tun,

Bab sekolah tu I sedikit tidak faham keadaan sekolah sekarang, kenapa masih ada sekolah kebangsaan cina dan india. Sekolah Melayu macam zaman dulu dah tak ada lagi.

Kan lebih elok adakah satu sekolah dimana pelajaran tambahan termasuk bahasa mandarin, tamil or arab, sesiapa yang berminat boleh ikuti kelas tersebut. Teringat masa zaman I sekolah dulu, sekolah orang putih, pagi2 sebelum masuk kelas, sembahyang baca doa bagi semua penganut kristian dan bermiant, tapi tidak juga ketinggalan adakan kelas khas agama islam untuk penuntut beragama islam.

Tun

Bab parti baru, ada kawan kata sepatutnya buat satu parti multi racial supaya semua golongan mid-class boleh masuk, parti sosialis pun tidak begitu aktif sekarang, kata kawan ini. IMAO, ini akan jadi competitor pada PKR bukan UMNO lagi. Anyway, Tun dah ada pendirian dan pilihan sendiri. I sokong



Tun. You can count on me sebagai ahli.

22. [Log in to Reply faridina](#) Aug 6, 2016 10:13 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Kami berkesempatan mendengar sedutan bual bicara Najib bersama rangkaian televisyen Indonesia yang disiarkan buletin utama TVtree semalam.

Betapa Najib begitu berani memutar belitkan fakta atau dalam ertikata lain berbohong sepanjang sesi temuramah tersebut demi memperbaiki imejnya yang telah tercemar di rantau ini.

Soalnya sekarang bagaimana pula caranya beliau memperbaiki imejnya yang tercemar di mata dunia?

Adakah beliau seberani Tun M untuk ditemuramah rancangan bual bicara UK iaitu 'Hard Talk' tapi tak mungkin ianya terjadi kerana it will be hard for him to talk!

Atau berani ke beliau ke AS untuk ditemuramah David Letterman dalam 'Late Show' mungkin juga tidak kerana katanya it's too late nasi dah jadi bubur, ku sangka panas berpanjangan di padang golf Hawaii rupanya banjir di Kelantan di tengah2 permainan.

Mengikuti talk show ini dari bujang sehinggalah beliau bersara, dalam bergelak ketawa Letterman akan kenakan tetamunya yang terdiri dari selebriti hingga ketua2 kerajaan.

Namun strategi Najib mungkin senjata makan tuan sementelah rakyat Indonesia bukan semudah rakyat UMNO untuk dihina keupayaan berfikir secara kritis.

Apatah lagi tuduhan liar Najib terhadap campurtangan Tun M dalam urusan pentadbiran kerajaan tiada asasnya dalam benak kalbu rakyat Indonesia jika tidak mana mungkin 1MDB ditubuhkan langsung bagaimana mungkin Najib bisa punyai wang sebanyak Rp 8,400,000,000,000.00 atau Rp 8.4 TRILLION. dalam akaun bank personalnya.

Aku enggak bisa tahu samada Najib ada ditanya rin Pak Komentator berhubung persoalan cepuberlian ini?

Benar bapak ada uang sebanyak ini?

Benarkah ini bukan uang hasil rompakan 1MDB?

Kapan harus ibu segala pembohongan ini dilindungi aku enggak bisa mengerti.

Pokoknya udah ada usaha dari Negarawan Ulung rantau ini khususnya dan dunia Islam amnya menangani kebatilan ini.

Ayuh kita rumpun bangsa senusantara bangkit menyokong usaha murni Tun Dr Mahathir menentang nepotisme, korupsi dan terkini kleptokrasi yang jika tidak dibendung akan menular ke setiap pelusuk rantau ini.

Akhirkata saudara2ku ada satu analogi aku rasa sungguh enteng untuk dimengertikan sebegini;

Jika Pak Ajib direncanakan berlari dalam guni sambil membawa telur mentah dalam sudu di Kuala Lumpur dan seperti lazimnya beliau akan terkandas maka guni akan terlepas telur akan terjatuh lantas retak di KL dan pecah di Jakarta.

Maaf si.. lewat ini telur itu udah rosak.. itu telur tembelang !

Permisi bapak2 ibu2, kalau ada sumur di ladang, boleh aku menumpang mandi, kalau ada umurku

panjang, boleh kita berjumpa lagi



Wasalam Tun.

p/s – Semasa aku remaja sangat meminati kumpulan The Mercy's dan D'lloyd dan masih bisa

mendengarkan lagu2nya. Tak percaya; Tanyalah bintang tanyalah bulan agar kau tahu



p/s – Yes true indeed my friend and now I was made to believe that the noob cat is out of these blog for good (-.-)Zzz.

Thanks a billion to all of you.

23. [Log in to Reply Ali Akbar Hashim](#) Aug 6, 2016 8:46 AM

Dear Sir,

Once your blue eye boy, Najib's claimed he rejected you because you will have a total control on him as a Prime Minister of Malaysia

If he is lying millions of viewers are the witness of his statement and he will be burnt into the fire of hell in the day of judgement

Your new party should not practice cronyism, nepotism, double standard

You have chosen Najib not on merit and put him on the highest place to lead this country and now he demonising you each day

Common sense this is not acceptable

After almost 5 years and you have drying out of ideas how to unseat him as a Prime Minister

He is undefeated and in return makes you look like a stupid fool

The bottom line is in Malaysia the political structure was unique and straight forward

Who is in control of Sabah, Sarawak, indigenous peoples, the farmer, Felda settlers, fisherman and the poor are in control of the government

Najib and the Gang has total grip on these group of peoples

Every 5 years these groups are giving a mandate to politicians to be rich for the rest of their lives generation after generation

How your new party can win a support from this groups?

You need a grand coalition like Barisan Nasional, truly united

And tonnes of money

You cannot talk about the looting of government money, abused power and corruption to this groups

What they wanted is just cash RM300.00, ELECTRICAL ITEMS, a free house, bridges, development

Can you new party provide all these?

Is your new party has better cash than UMNO and the Gang?

The most important part is , is the new leader from your party are a better person than Najib or worst?

Najib can swindle lots of money and yet he is clear of any wrong doing

I believe this game is easy to copy , the next Prime Minister of Malaysia too can break Najib record and he is open to be "IL CAPO DI TUTTI CAPI" for all thieves

Peoples of this country are the losers, majority are Malays

The Malays has a great respect for the Rulers, the Thais too

They does not care if the Rulers are not purely Malays because Rulers too not restricted to have a foreign beautiful wife

You believe the Rulers has heard our voices in this struggle and never let us down

You are wrong

All this while they are just keeping quiet

They do nothing about the GST and high cost of living

Some focus on other issues that bring more famous and glory such as football

How the richer getting richer like footballer and football club

No Tom, Dick and Harry can walk thru a fully guarded palace to ask for any help without being detention or chased out

Some royal blood too can ridiculed and belittle the Malays like Raja Petra Kamaruddin

His attitude on the Malays is emotionally disgusting

Why keep barking at far away and be a true gentleman, comeback to Malaysia and share with us this struggle

24. [Log in to Reply sibotak](#) [Aug 6, 2016 6:00 AM](#)

Revealing the Truth

Truth will never be reveal as long as Najib , the PM abuse his Authority

Hiding Truth behind the AG , behind the OSA

Abusing his Duty as the Prime Minister of Malaysia

Is a clear Najib chicken out from the Truth

The reasons why also US , Spore DOJ was reluctant to reveal the facts

Though they have confiscated our Assets & Funds

They refused to reveal our Rights to know

Yet they dare to ceased out Assets

Najib Govt chicken out for our Right to know

Its kind of a Tricky hidden objectives

Till extends Najib Govt did not even dare to ask

Indeed they prefer to let the property & funds go just like that

An account of Very irresponsible Govt

Till Today the Govt never dare not dig on 1MDB within Malaysia itself

Too many wrong doings . crimes they Feared of Truth Revealed

So they been using , abusing their Authority

In the name of Justice

These certainly is a Cowardly Act on Najib himself

25. [Log in to Reply adelheid](#) Aug 6, 2016 12:22 AM

Dear Tun,

Here's just to share some insights into the current dilemma of whether your new party should be a one race based or multiracial <http://shahbudindotcom.blogspot.my/2016/08/mudah-saja-logiknya-parti-baru-mirip.html>

Goodnight dear Tun, sleep tight and sweet dreams.

26. [Log in to Reply johnyblaze6996](#) Aug 6, 2016 12:18 AM

Saudara Karl yg bijaksana, kami mahu tahu laporan dari audit negara. Saudara Karl tolong jawab kepada saya yang bodoh dan saya yg bangang ini dan saya yg buta hati ini. Soalan saya mengapa laporan audit negara diletakkan dibawah akta rahsia rasmi sedangkan saya masih ingat wallahi wabillahi watallahi saya menonton siaran dari parlimen sewaktu Datuk Seri Yang Maha Mulia Lagi Bijaksana Pejuang Islam terunggul yang akan membebaskan Palestin dan Menghapus kan IS Najib bin Tun Abdul Razak berucap dan berjanji akan membenteng laporan audit negara di Parlimen. Tetapi Datuk Seri Yang Maha Mulia Pejuang Islam Terunggul Najib Tun Abdul Razak telah mengarahkan laporan ini diletakkan dibawah akta rahsia rasmi. Saudara Karl yg bijaksana lagi mengetahui segalanya, mengapakah Datuk Seri Yang Maha Mulia Lagi Bijaksana Pemimpin Islam Teragung di Dunia Najib Bin Razak berbuat demikian? Saya rayu saudara Karl yg bijaksana yg alim yg hebat yg mengetahui utk beri jawapan kepada saya yg bodoh lagi hina lagi bangang lagi hodoh lagi jijik ini. Tolong la saudara karl.

27. [Log in to Reply umranrc](#) Aug 5, 2016 11:07 PM

Salam Tun,

Saya rasa terpanggil untuk meluahkan pendapat saya tentang video ini,

[Research: Chinese schools could replace national school?](#)

Sebagai seorang rakyat Malaysia yang berfikiran terbuka, saya gagal untuk menghargai kandungan video tersebut. Negara ini dinamakan MALAYSIA dimana perkataan itu berasal dari MELAYU dan punyai Bahasa sendiri sebagai sandaran. Kita semua rakyat yang berbilang kaum ini sepatutnya hormatilah Bahasa Asal tanah ini.

Saya sebenarnya tahu kenapa ada sesetengah kaum Tiong-Hua agak keberatan untuk menerima hakikat ini terutamanya yang terlibat dalam perniagaan. Dengan penguasaan penuh Bahasa Mandarin, lebih mudah untuk mereka menjalinkan hubungan perniagaan dengan para peniaga dari Negeri-negeri seperti Taiwan dan China. Pendapat ini kita terima, tetapi jangan kita lupa bahawa pembelajaran sesuatu Bahasa itu tidak semestinya perlukan Bahasa tersebut dijadikan Bahasa pengantar. Sebagai contoh, pembelajaran Bahasa Inggeris disekolah-sekolah Kebangsaan hari ini, apa gagalkah kita untuk menguasainya? Berbanggalah kita sebagai satu bangsa yakni bangsa Malaysia!!!

Baiklah disamping itu ingin juga saya berbicara tentang Parti Politik Baru Tun bersama Tan Sri Muhyiddin.

Ya, saya faham pendekatan yang mahu diambil iaitu satu parti dimana kaum Melayu boleh bergantung harap sepertimana UMNO sebelum ini dan dengan harapan ramai lagi ahli-ahli UMNO yang berjaya membuka fikiran mereka untuk beralih angin. Tetapi maafkan saya, tidakkah itu mengembalikan kita kepada taraf pemikiran yang kolot dan berjuang atas nama kaum?

Tun,

Pada pendapat saya, parti yang berdasarkan bangsa ini agak ketinggalan. Ya, saya faham bahawa ramai lagi kaum Melayu yang perlukan pembelaan, tetapi begitu juga kaum-kaum lain di Bumi bertuah ini. Yang saya harapkan adalah penubuhan sebuah parti dimana ahli-ahlinya terdiri dari semua kaum dan berdiri diatas dasar-dasar yang bersih, cekap dan amanah. Mereka-mereka ini berjuang dengan niat yang jujur untuk mengembalikan Maruah Negara yang terjejas teruk dewasa ini. Ya, dengan pendekatan ini berkemungkinan ahli-ahli dari pakatan bukan BN juga turut tertarik untuk menyertainya, saya kira ini tidak menjadi masalah.

Seperti biasa, bukan tempatnya saya untuk memberitahu Tun akan tindakan selanjutnya yang perlu diambil selepas ini. Cuma yang boleh saya sampaikan adalah pandangan sahaja.

Terima Kasih Tun.

28. [Log in to Reply zulu](#) Aug 5, 2016 9:42 PM

Najib used deviation tactics of UMNO politics in Terengganu to reduce the 1MDB heat but failed.

Now telling DOJ report is not related to Malaysian govt., yes, it's not related to Malaysian govt., but

related to him and his family...



29. [Log in to Reply adelheid](#) Aug 5, 2016 8:03 PM

Dear Tun,

I hope faridina and others who still feel disturbed by this newbie trolling chedet's blog here will treat all his ill-meaning comments as pure crap from a noob. The noob cat is out of the bag anyway, thanks

to faridina

hehe.. Noob troll is nobody compared to our beloved Tun Dr. Mahathir and this is what matters. So noob newbie troll, keep on noobing thrash – your rantings have become like

our daily anecdote here lol

Thanks Tun, love yah Tun.

30. [Log in to Reply adelheid](#) Aug 5, 2016 7:29 PM

Dear Tun,



Too many cooks will spoil the broth...

Hehe belum pun daftar parti baharu Tun sudah kedengaran berbagai pendapat yang mahukan parti ini untuk melayu-bumiputera atau terbuka untuk semua berbilang kaum. Apapun tak salah sebab rakyat memang berhak berikan pendapat mereka walaupun pada akhirnya penentuan bentuk parti baharu ini adalah di tangan orang-orang yang pakar dalam bidangnya – Tun beserta rakan-rakan seperjuangan.

I believe that you have discussed not only with TSMY, DS Mukhriz and the other ex-UMNO members but more importantly with the PH leaders of DAP, PKR, Amanah who represent the people majority who want real change in this country. I believe your decision to have a malay-bumi based party must have its reasons known to you and the other PH leaders, and blessed by all.

I agree that the malays and bumis need an alternative platform after what has become of UMNO today. Malays and bumis have lost their home their refuge when the very people who supposedly should be taking care of them have instead fooled and manipulated them for the purpose of these UMNO leaders' personal goals and enrichment.

Fly high and proud our Tun Dr. Mahathir Mohamad. You are God's greatest gift to us citizens of Malaysia. There is a reason why you are still around – for us – and that is the more reason why WE LOVE YOU.

Take good care Tun Mahathir. I love you!

31. [Log in to Reply WandyCaswady](#) Aug 5, 2016 6:48 PM

Kehidupan Tun seperti kuih bingka... Dari bawah pun ia dibakar... Dari atas pun dibakar...

Dari bawah mendapat tekanan dari rakyat...

Dari atas mendapat tekanan dari kerajaan...

Bagaimana bisa "telunjuk" mahu menahan "langit" yg sedang jatuh?

32. [Log in to Reply johnnyblaze6996](#) Aug 5, 2016 6:44 PM

Penulisan Karl ini hanyalah sampah yg kita tak perlu hirau dan endahkan. Tapi kepada saudara saudara ku yg menyokong perjuangan bersama Ayahanda Tun M, org seperti karl ini lah contoh betapa kuat dan hebatnya kuasa duit dan dedak yg ada pada Najib. Saudara saudara ku, bukan mudah perjuangan kita ini, org2 yg hati sudah buta dgn wang ringgit seperti karl ini jumlahnya ramai dan mungkin seramai ahli umno. Kita lihat betapa sombong dan bongkak Khairul Haiwan naib ketua pemuda umno membuat tuduhan. Khairul Haiwan dengan bongkak memberi amaran untuk sanggup berbunuhan dan bermati matian mempertahankan Najib Razak. Amaran itu ditujukan kepada kita!!!! Wahai Kekanda-kekanda ku, izinkan aku bertanya, adakah kita akan takut dengan ugutan Khairul Haiwan? Adakah kita akan terpedaya dgn putar belit dan kata kata yg bodoh oleh Karl??? Karl Khairul Khairul Karl!!!! Adakah kita akan mengaku kalah sebelum Najib kita tumbangkan??????

33. [Log in to Reply johnnyblaze6996](#) Aug 5, 2016 6:24 PM

Saya amat bersetuju dgn pendapat kekanda. Kita semua bertanya jika benar kerajaan Najib memartabatkan Islam mengapa dirahsiakan perkara yg sepatutnya diberitahu kepada rakyat. Laporan

Audit Negara, Siasatan SPRM dan lain lain mengapa dirahsia dibawak akta rahsia rasmi dan kita akan ditangkap oleh kerajaan Najib jika membocorkan nya. Mengapa? Karl jgn la memperbodohkan org. Jangan kamu putar belit kata kata seperti ular berkata kata seumpama kamu pejuang Islam tetapi kamu hanya lah menghamburkan kata kata jihad dusta umpama nabi palsu seperti Musailamah dan golongan ar-riddah. Kamu kamu berkata benar tolong jawab soalan yg kami mahu tahu, mengapa dirahsia rasmi kan hasil siasatan audit negara dan laporan SPRM disuruh berhenti menyiasat? Najib saling tak ubah seperti golongan nabi palsu yg menjanjikan syurga tetapi sebenarnya dia membawa org ke neraka.

34. [Log in to Reply johnyblaze6996](#) [Aug 5, 2016 6:11 PM](#)

Memang betul tu sri sense tapi saya takut kalau DS Mukhriz diberi jawatan yg terlampau tinggi dalam parti baru kita ini, puak puak dajal pemimpin umno akan berkata" tengoklah kami dah kata yg agenda tun adalah utk bagi jawatan pada anaknya". Saya benci betul bila pemimpin sial umno cakap Tun M gila kuasa. Mereka yg sebenarnya takut hilang kuasa bukan Ayahanda Tun yg gila kuasa!!!!

35. [Log in to Reply Diabetik Kafe](#) [Aug 5, 2016 3:44 PM](#)

Pemahaman Islam Karl Iskandar agak aneh. Mungkin dia punyai mazhab berlainan. Setahu saya Islam tidak menyatakan, *"Tolaklah berkawan dengan kafir harbi, tapi sokonglah seseorang pemimpin Islam yang melakukan kemungkaran, kebatilan dan kezaliman yang terang lagi nyata hanya semata-mata sebab dia seorang Islam."*

Tak pernah saya dengar Islam berkata, *"Tutuplah sebelah atau kedua-dua belah mata kamu kepada kejahatan seseorang pemimpin Islam, redha sajalah sebab Allah akan menghukum beliau di akhirat nanti."*

Begitu juga tidak pernah saya diajar, *"Tak mengapa kalau pemimpin Islam kamu mencuri, kerana orang lain pun mencuri juga."*

Prinsip Islam ialah, *"Tolak berkawan dengan kafir harbi, tapi jangan menyokong atau redha dengan mana-mana pemimpin Islam yang berbuat jahat. Tolak kedua-duanya sekali."*

Menyokong seorang pemimpin Islam yang terbukti zalim, mungkar dan mencuri bukanlah adab orang Islam.

Apabila disuakan DAP di sebelah tangan dan Najib di tangan yang lain, jawapannya mudah: pilihlah (dan bukalah) jalan ketiga. Kerana kedua-duanya tidak boleh diterima oleh orang yang mengaku Islam.

Tapi tak kisah la. Arwah toki saya beritahu, kat kampung ni 3/4 adalah darah daging kita.

Tak kisah lah apa apa. Keluarga saya ramai.

Selain almadani, terima kasih juga pada pembaca senyap yang lain.

Terima kasih Tun.

75. [Log in to Reply](#) **ahalimr** [Aug 3, 2016 9:27 PM](#)

Kardai, SKMM terlupa sebut ke. Kalau nak saiko kawan2 dalam blog ni sebut la Salleh Kroo, abg jib dan kah ros kau pun baca blog ni. Kenapa kau cemburu ke almadani minum petang dengan Tun. Susah apa kau gi la Sri Perdana minum petang dengan abg jib dan kak ros kesayangan kau. Sebagai macai dan balaci tentu mereka gembira menerima kedatangan kau. Saiful budak mentah pun abg jib terima sebab dia rakyat, jadi kau yang tak penat2 membela 1MDB, takkan jib tak layan kut.

76. [Log in to Reply](#) **faridina** [Aug 3, 2016 6:47 PM](#)

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Terlebih dahulu syabas buat rakan sekelas yang dah terlebih dahulu selesaikan tesis iaitu bro umranrc,



menyesal itu hari duduk sebelah2 tak xerox

Nampak gaya hang grade dululah ya, kami kat sini ada yang dah bertahun2 asyik extend je dah jadi



super senior nampak gayanya

Hang jadi orang besar nanti jangan lupa jenguk2 kami kat sini no..

Saya buat double degree maka ada 2 tesis kena siapkan, yang pertama Kajian Peranan Siber Trooper Upahan Dalam Menghalalkan Cara @ Pengkhianat Negara.

Yang kedua biarlah disimpan dahulu hanya apabila kemelut kleptokrasi ini selesai barangkali baharulah relevan mungkin.

Bagi tesis pertama saya telah menjumpai seseorang untuk dijadikan subject matter setelah menunggu selama setahun lebih sedikit dalam blog keramat ini.

Terima kasih jua saya ucapkan kepada saudara (pangkat adik) Iskandar Bin Awang berusia 43 tahun dan berasal dari Pekan, Pahang kerana memungkinan saya cepat grade dan boleh keluar dari kelas dewasa ini :).

Terima kasih Tun.

Wasalam Tun.

p/s – Semenjak dua menjak blog ini telah menghasilkan banyak komen2 yang bernas penuh pengisian yang menidakkan tanggapan beberapa orang bahawa ianya sudah tidak relevan lagi.. Semoga Tun teruskan berkongsi pemikiran bersama kami rakyat marhaen.

77. [Log in to Reply Karl @ www.karl-iskandar.ml](#) Aug 3, 2016 6:11 PM

Selain dari melayan mesej DrM, sy sekali-sekala layan mesej pengkomen lain, antaranya isu air Singapore sibotak, isu maksiat judi cruze, isu hormonal imbalance Puan Faridini.

Bab 1MDB ni sudah ada laporan PAC, kalau tak faham boleh rujuk ke situ. YDP Agung pun baca laporan yg sama. Jika nak laporan lain kena buat sendiri atau upah WSJ. Takkan tu pon pakpandir08 finin kifala?

78. [Log in to Reply zulu](#) Aug 3, 2016 5:41 PM

“Tan Sri Khalid Abu Bakar (pic) has brushed off PKR vice-president Rafizi Ramli’s claims that he practises double standards, saying he has no time to entertain such comments.”



Seems like he is not taking salary from tax payers...!!! What a credible public servant

79. [Log in to Reply Sri Sense](#) Aug 3, 2016 5:16 PM

Salam Tun

5. Sekarang ini pula tuduhan dibuat bahawa saya yang membuat laporan terhadap Najib kepada Amerika Syarikat sehingga laporan berkenaan salahguna kuasa dan melesapkan wang Kerajaan dibuat oleh pasukan keadilan Amerika terhadap Najib.

6. Saya tidak buat apa-apa laporan. Tetapi jika saya buat laporan pun, hanya kerana itu kesalahan Najib tidak akan menjadi tidak salah.

– Tun, sekarang ini penyokong Najib tuduh Tun jadi dalang, Khairuddin dan Mathias hanya frontman. The way I look at it, the message very clear yang Najib tak kata dia tak buat, tapi dia cuma kata Tun



tak nak sekongkol dengan dia LOL

80. [Log in to Reply pakpandir08](#) Aug 3, 2016 4:46 PM

Kepada saudara Karl,

Apa nak gentar sangat dengan isu air? Yang jelas nampak sangat adalah kamu gentar dengan isu 1MDB

Kalau kamu berani dan gagah belaka. Kamu boleh bincang secara terbuka mengenai isu air. Namun, kamu jangan pura-pura terpesong dari perbincangan apabila kamu ditanya dengan isu 1MDB

Apabila menyentuh isu 1MDB, kamu lari lintang-pukang dan sentiasa cuba mengalih perhatian dengan benda yang lain seperti redbeanarmy, air zam-zam, jurujual & lain-lain ... entah lain kali apa cerita pula ...

entahlah apa itu air zam-zam ... namun hari ini saya ternampak berita pasal perbelanjaan membeli air botox

81. [Log in to Reply Karl @ www.karl-iskandar.ml](#) Aug 3, 2016 4:44 PM

Almadani.

Sy tak kenal anda, dan anda tak kenal saya. Namun, saya tahu ada lebih 18,000 emel dalam pangkalan data chedet.cc bila saya risik tadi.

Bukan orang hebat macam anda sahaja, malahan tak kurang 5 pembaca dari Bloomberg dan 5 dari Polis Diraja Msia juga seronok layan blog DrM.

Sy seperti pembaca lain, adalah orang biasa-biasa sahaja. Tak hebat mcm anda yg boleh hi tea dan gurau senda dengan DrM ...

But seriously Almadani, what is your point other than jacking your ass up so high in public?



82. [Log in to Reply almadani](#) Aug 3, 2016 4:00 PM

Salaam hormat buat kalian.

Nama2 yg saya biasa tengok kat sini....sihat semua?(ramai tu!)

Apa pun buat musato....banyak yg tersembunyi tu bg!

Mcm2 kalian ni....Hehe!

Kebelakangan ni saya tengok ada satu intro dari sepasang jari yg menamakan dirinya karl. Entah melayu entah kan tidak...Hehe! Tapi skrg otai2 dlm ni dah bagi dia mcm2 gelaran dan jenis kacukan!... Pergh..dasyat mamat ni(atau mami...Huhu)

Karl ,

Suka saya beri ingatan buat anda,tahap pemikiran anda baik tapi masih terlalu jauh ketinggalan. Sbb anda banyak tak tahu dari tahu terutama pasal Tun. Tak perlulah saya ulas dan terang kan siapa Tun ni pulak....ok?

Saya seronok berbual sambil minum ptg dgn Tun dirumahnya! Ada beberapa perkara anda takkan mampu menandinginya. Pertama AMANAH kedua DISIPLIN.

Selebihnya...RAHSIA. Oleh itu jgn keterlaluan memberi pendapat jika anda hanya ber'andaian'(pinjam kata2 igp....boleh kot?)

Sapa lagi ya...ramai sangat! Anda semua memang best! Mudah2an usaha anda diredhai Allah. Anda bijak dan berhak memberi pendapat.

Musato....banyak cerita 'dalam' tu!

Ni saya tujukan buat kalian kerana jika bukan kalian siapa lagi?

BANGUN BANGSA KU MELAYU

BANGUNLAH MELAYU BERSATU

BANGUNLAH MELAYU BERILMU

BANGUN LAH DEMI AGAMAMU....

Kita tentang semua kemungkaran ini hanya kerana satu perkara sahaja. Kerana AGAMA kita iaitu agama yg dibenarkan oleh Allah. Segala kesalahan ini berlaku kerana ianya adalah bertentangan dgn hukum2 agama. Bukan kerana alasan yg lain. ISLAM itu sejahtera dan agama berkasih sayang,bukan kebencian dan kerakusan serta kekerasan.

Berbakti lah.....

Sekian.

Wasalaam.

83. [Log in to Reply Karl @ www.karl-iskandar.ml](#) Aug 3, 2016 3:13 PM

Geng RedBeanArmy seperti pakpandir08 dan talibarut yg sewaktu dgn nya sangat kkuatir dan gabra jika isu air Singapura dibawa ke dlm perbincangan.

Sama seperti kes air Pulau Pinang dan sumbernya yg berpangkalan di Kedah.

Apa pun, ini isu sensitif dan Singapore sanggup angkat senjata dan berperang jika Malaysia berkeras dlm memperbaharui perjanjian yg lapuk dan sangat merugikan negara kita.

Tak apa. Ini isu kedua, kita settle bab 1MDB dahulu.

Mungkin parti baharu DrM perlu meletakkan isu air ini di antara inisiatif penting dlm agenda ekonomi beliau.

Wallahu a'lam.

84. [Log in to Reply pakpandir08](#) Aug 3, 2016 1:49 PM

Kepada saudara Karl,

Setuju dengan pendapat kamu bahawa air itu penting. Namun cerita kamu tentang air zam-zam juga terpesong dari realiti.

Janganlah kamu ingat rakyat di negara ini semua bangang-bangang seumpama otak mereka dimasuki air.

Jangan juga ingat kamu boleh menipu orang ramai dalam isu 1MDB, semata-mata kamu mampu mengkaburkan mata orang lain dengan hanya melafaz "zam-zam alakazam"

85. [Log in to Reply sibotak](#) Aug 3, 2016 1:10 PM

Orang Berbudi kita Berbahasa
Orang memberi kita merasa

Baru pertama
Saya setuju dengan Encik Tuan Karl

Air adalah sumber kekayaan negara.

Ini seharusnya topik kedua yg perlu kita mengumpat dan bahas

Namun topik 1MDB yg mengugat negara adalah yg pertama

Juga Kegagalan Kepimpinan Najib

Sebab ?

Sebabnya Najib belum terbukti tidak Bersalah juga belum terbukti Bersalah

Yg wujud adalah satu Huraian yg berbelit belit

kemuskilan Najib perlu di hadapkan ke Mahkamah

Untuk penentuan status Najib sebenarnya

Sebab ?

Selagi Najib taku nak berdepan dengan kenyataan

Satu Dunia akan menunjuk jari kat Najib

Malah bukan satu Dunia, Mak Najib sendiri akan menunjuk jari kat Najib
Jadi apa dia yg nak di sembunyikan , Siapa yg beliau nak Selindungi
Walau Beliau PM Malaysia beliau Tidak berhak melindungi siapa yg bersalah
Sebab Kesalahan bergini akan berbuah lagi
Dan menjadi Tauladan yg tidak sehat pada Malaysia Keseluruhannya
Ini soal Principles & Foundations
Bukan billion satu ringgit pun bolih jadi isu

Yg banyak beralih yg banayak buang masa adalah Najib sendiri
Janganlah kami di perbudak budakan
Sudahlah kami di rompak , Kami di perbudakan lagi
Siapa yg tak Marah ?
Dengan menukar AG , mengaitkan 1MDB dengan OSA
TAKKAN IA DUIT BERBILLION BOLIH BERJALAN BEGITU SAJA TANPA PENJELASAN
DAN TIDAK ADA SESIAPA YG TERTUDUH HINGGA KINI ?
IMPOSSIBLETO HELL OR TO HEAVEN
Someone must be responsible

Namun
Walau Najib tidak bersalah
Sudah jelas Najib Gagai mengetuai UMNO
Gagal dalam banyak rundingan beliau erti kata Najib lebih berlagak dari buat
Tidak mementingkan hak Malaysia

Kita tidak dengar kata kata
Kita melihat Perbuatannya
Perbuatannya yg mengatakan sebalik

Malah hingga sekarang AG Malaysia gagal mengenal pasti siapa yg bersalah
atau Mana salahnya ?

Macamana nak berbual fasal Air
Jika Kepala dah tak betul
Berbual Angin sajalah hingga kini
Tapi Masa akan menentukan segalanya

86. [Log in to Reply Sri SenseAug 3,2016 1:05 PM](#)

Salam Tun

I ternampak dekat FB tadi **RM1.154 Million From 1MDB Was Spent On 'Anti-Ageing' Products for "B1 and Wife"!**



-hmmm does it work

ini linknya <http://ec2-52-220-49-121.ap-southeast-1.compute.amazonaws.com/2016/08/rm-one-million-of-1mdb-money-on-anti-ageing-products-for-b1-and-wife-exclusive/>

87. [Log in to Reply SBZ](#) Aug 3, 2016 12:25 PM

Salam YAB Tun,

Allah bless you always.

I cant wait to be a member of your new party. When I can join?

Currently I am not a member of any political party. Also many of my friends are looking forward to join your new party. Thank you for always giving us hopes for the future.

88. [Log in to Reply Karl @ www.karl-iskandar.ml](#) Aug 3, 2016 10:12 AM

Topik Air dan Singapura.

Air adalah sumber kekayaan negara.

Di Israel, mereka ni lebih pentingkan air daripada minyak. Begitu juga Singapore yg telah bangunkan logistik air bawah tanah.

Telaga zam-zam menjadi inspirasi bagi Yahudi untuk bangunkan ekonomi secara holistik. Malangnya orang Islam tidak mencakna erti di sebalik fenomena telaga air zam-zam.

Kealpaan umat dan pemimpin Islam inilah menjadi bibit penyembahan petrodollar. Subjek ini agak berat utk diskusi di blog chedet.cc kerana majoriti penyokong DrM malas membaca dan hanya tahu



dan pakar maki hamun

89. [Log in to Reply Sri Sense](#) Aug 3, 2016 9:57 AM

Salam Tun

Nak komen faridina



@faridina, I suka cerita kelas, lucu



Gesa jangan Tak Gesa – tajuk berita news portal FMT

Akhbar FT gesa Obama pastikan agensi AS hukum pesalah 1MDB

PETALING JAYA: Akhbar berpengaruh Financial Times (FT) hari ini menggesa Presiden Barack Obama dalam hari-hari terakhir beliau di White House memastikan agensi kerajaan Amerika Syarikat (AS) menyiasat sehingga ke pangkal kes membabitkan 1MDB dan membawa mereka yang bersalah ke

muka pengadilan.

Dalam rencana pengarangnya, FT berkata Washington sepatutnya tidak bimbang sekiranya Malaysia di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak cuba mengalih sokongannya daripada AS kepada China.

"Pentadbiran Obama jangan tunduk terhadap percubaan Najib memaksa Washington terus memberikannya sokongan," kata FT.

Pada Julai 20, Jabatan Kehakiman AS memfailkan saman mahu menyita aset berkait 1MDB berjumlah AS\$1 bilion, atas dakwaan kecurian wang dan korupsi.

Dokuman penyiasat AS turut menamakan anak tiri Najib, Riza Aziz, menggunakan wang yang dilesapkan daripada 1MDB, bagaimanapun tidak merujuk kepada Najib.

Sebaliknya, jolokan "Malaysian Official 1" sebanyak 32 kali dalam dokumen penyiasat itu menjadi spekulasi di kalangan pemimpin pembangkang yang rata-rata setuju ia merujuk kepada Najib.

FT berkata walaupun Obama dan Najib pernah bermain golf dalam apa yang disifatkan Najib sebagai bukti hubungan eratnya dengan kuasa besar itu, Malaysia kurang disebut dalam urusan harian presiden AS itu.

Obama selama ini cuba mendapatkan sokongan Malaysia untuk Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP), di samping cuba memastikan Putrajaya tidak bersekutu dengan seteru ekonominya China. Bagaimanapun, FT berkata TPP kini bukan lagi faktor, dan kerajaan Malaysia juga tidak mungkin bersekutu dengan China.

"Malangnya TPP bukan lagi keutamaan AS dan ditentang kedua-dua calon utama presiden," katanya dipercayai merujuk calon Demokrat Hillary Clinton dan calon Republikan, Donald Trump.

"Malaysia tidak akan bersekutu dengan China, lebih-lebih lagi dengan rekod buruk Umno dalam hubungannya dengan penduduk minoriti Cina."

Akhbar itu berkata Najib perlu memberi laluan sehingga nama beliau dibersihkan, manakala kesemua yang terlibat dalam skandal 1MDB perlu dihukum.

"Ketika beliau sampai ke penghujung kuasanya di White House, Obama perlu menggalakkan semua agensi AS mengejar kes 1MDB dengan menggunakan segala perundangan Amerika dan antarabangsa.

"Ini tidak terhad kepada kemungkinan dakwaan terhadap Najib dan sekutunya, tetapi juga melibatkan bank dan syarikat yang berpakat melarikan lebih AS\$3.5 bilion daripada 1MDB," kata FT.

Link : <http://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2016/08/03/akhbar-ft-gesa-obama-pastikan-agensi-as-hukum-pesalah-1mdb/>

90. [Log in to Reply](#) **Hajar** Aug 3, 2016 9:54 AM

Salam YAB dan Yang Amat DiKasihi Tun,

1. Pemimpin2 UMNO memanglah telah diketahui pendirian mereka, tapi apa hal pula dengan pemimpin2 parti lain dalam BN? Bukankah ada 13 komponen parti dalam BN? UMNO yang ber- Presidenkan seorang yang korup dan lemah serta mudah diugut berada dalam kedudukan yang teruk dan lemah. Keadaan ini seumpama UMNO 'mendukung biawak hidup'. Tidak sedarkah para pemimpin UMNO?

2. Ada 'pemakan dedak' DSN buta sejarah (Aug 2, 2016 8:21 PM). UMNO sekarang yang telah dirosakkan oleh DSN & gang ialah produk Tun M. Jadi, Tun berhak untuk tegur dan marah mereka yang bang*ng yang tidak tahu menjaga kualiti produk yang Tun telah serah dalam keadaan elok

kepada PM-5 dan seterusnya kepada PM-6. Kedua-duanya seperti 'tikus membaiki labu' sehingga produk semakin hancur dan gagal berfungsi. Tidak boleh diharap.

3. Kepada Sdr 'neezam72' (Aug 2,2016 3:38 AM):

(i) Lama anda menghilang, dan kini muncul kembali dengan tuduhan2 liar yang sama terhadap Tun M. Ulang tayangkah? Cuba anda beri hujah yang munasabah dan masuk akal tentang wang RM 2,600 JUTA yang diterima oleh DSN dalam akaun peribadi beliau. Ini BUKTI (salah laku) penting dan telah disahkan (penerimaan wang) oleh Peguam Negara. DoJ USA sudah buat komplek/saman (untuk sita 17 aset yang ternyata dibeli dengan 'wang haram' dari 1MDB) berserta bukti transaksi2 dari mana asal-usul wang RM 2,600 juta tersebut. Sila sangkal dakwaan mereka. Takkanlah DoJ USA buat tuduhan sekadar berdasarkan 'DENGAR KATA'. Amat buruk akibatnya. DoJ USA tidaklah dungu seperti mereka (termasuk anda) yang bersubahat dengan perkara mungkar (korupsi).

(ii) Apa persamaan Anwar dan Tengku Razaleigh dengan Tun (tuduhan anda)? Macam langit dengan bumi. Anda dengan 'Sdr Jafri dan Sdr Karl' serupa dari segi pendekatan, dan juga cara pemikiran (amat dangkal). Semuanya gagal menjawab soalan2 mudah dan sekadar merapu-meraban di sini.

4. Izinkan saya Tun:

Blog Tun untuk bacaan umum (untuk maklum-balas pembaca berkaitan artikel). Kalau mahu beramah MESRA bercakap perkara2 lain dengan mana2 individu, sila 'contact' secara 'direct' – banyak cara. Setahu saya ada yang beri emel dalam blog ini. Untuk 'skip' komen2 pun buang masa. Sila hormati hak orang lain.

P/S: Jika yang mengaku profesional pun bersikap 'suka hati akulah' (kurang matang/ kebudak-budakan; kurang prihatin), inikan pula pelajar2 yang masih mentah...Biasalah...dalam satu kelas, ada yang dapat 'A', ada yang cukup makan, dan ada juga yang gagal ('E/F'). Alahai...

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah S.W.T. sentiasa melindungi Tun sekeluarga ***

91. [Log in to Reply ahalimrAug 3,2016 9:40 AM](#)

Gitu ya Daeng. Agaknya ini mesti kerja suami Sharizat. Orang suroh ternak lembu dia biak karldai.dalam UMNO. Kira ok juga tu sebab kalau yang keluar species reza atau j low sumpah besok Malaysia muflis. Bukan apa Daeng, karldai kan binatang tungangan je. Tak lebih tak kurang. Kalau letak serrbu buah buku atas belakang dan suroh karldai bawa dari Johor ke Perlis, bila sampai dia tetap se ekor karldai yang bodoh sebab dia tak baca buku yang dia bawa. Kalau manusia tu lain la, paling tidak pun dia akan belek jenis buku yang dia bawa, jadi busok2 manusia pun dia akan tambah ilmu jika dia jadi penghantar buku. Jadi ini lah nasib binatang kaldai, bila dah tak bolih di gunakan, faham2 la apa nasib mereka

92. [Log in to Reply Sri SenseAug 3,2016 9:21 AM](#)

Salam Tun

Nak komen tulisan pakpandir08



@pakpandir08 nice!

Tun

I dah tua2 ini jarang sangat dengar orang memuji I cantik, I sexy, almaklumlah kita bukan muda lagi, tapi kalau ada orang kata I manja, cute and funny I'm happy already, tapi ada orang tak suka. Kalau



yang memuji tu cakap kat rumah I – depan muka I – lagi I suka.

93. [Log in to Reply MUHD NORIZAM](#) Aug 3, 2016 8:48 AM

Salam Tun,

Apa komen Tun terhadap tulisan RPK ni?:

<http://www.malaysia-today.net/i-am-no-moron-says-kadir-jasin/>

94. [Log in to Reply sibotak](#) Aug 3, 2016 8:21 AM

Air kita harapkan S,pore tapiskan ,bersihkan

Jangan lah kita beranggan nak niaga 1MDB , nak ke outer space
Nak Bangunkan Kuala Lumpur , nak niaga TPPA , nak buat Bullet Train sampai China

Asas Air kita masih harapkan Singapura bersihkan
Sedang sumber air dari kita sendiri
Menteri UMNO Johor , Sultan juga asik nak berlagak
Macam gini gaya Bini kita pun orang akan mandikan

INI ADALAH KERAJAAN MELAYU DARI DULU HINGGA SEKARANG

Tidak tahu apa yg perlu di utamakan

Memang Benggap

95. [Log in to Reply Karl @ www.karl-iskandar.ml](#) Aug 3, 2016 7:56 AM

Bagus gagasan umanrc, jika untuk sebuah negara Sosialist.

Cadangan saya, DrM juga perlu betulkan kesilapan silam :-

1. batalkan penswastan terhadap khidmat perlu seperti air, tenaga, jalanraya, pengangkutan
2. hentikan kronisme politik yang merupakan ibubapa kepada kleptokrasi dan korporatokrasi. # DrM



dan kroni mohon terasa

3. Audit semula kekayaan dan akaun bank semua billionaire atau mahajutawan
4. Sekatan ke atas rakyat Malaysia membuka akaun offshore banking, kecuali di Labuan
5. Aset yang dicuri kroni politik perlu di sita dan pulangkan kepada Perbendaharaan

... bersambung

96. [Log in to Reply daeng](#) Aug 3, 2016 6:55 AM

Assalamualaikum Tun.

Saya teliti kacukan 2 ekor binatang dalam blog ini iaitu kambing + kaldai dan lahirlah produk "Karl" adalah seorang politikus dayus.

Saya amati, dia bukanlah seorang yang bijak cuma biasa-biasa saja tetapi dia terlalu bahalol untuk menilai kebenaran dan kenyataan.

Pendedak tahap ini dipanggil b@bi dan statusnya bersamaan dengan Naji\$.

Wassalam.

97. [Log in to Reply umranrc](#) Aug 3, 2016 4:44 AM

Salam Tun,

Kisah Dato' Sri Najib serta para Pemimpin UMNO yang masih lagi tegar menyokong beliau, ingin saya ketepikan dahulu, lambat laun kebenaran akan terserlah juga. Baiklah, penyampaian dibawah ini adalah pendapat saya mengenai dasar-dasar Negara untuk masa hadapan. Mungkin ada baiknya dan mungkin juga ada yang kurang senang mengenainya. Bagaimanapun saya bersifat terbuka terhadap komen-komen yang membina mengenai dasar-dasar ini.

PENGENALAN

– Apakah rintihan rakyat?

Keadilan Hak Asasi

Kos Sara Hidup / Kuasa Membeli

Peluang Pekerjaan / Pendapatan

Perlindungan / Pembelaan

Kesihatan

Pendidikkan

– Dimana 'Kita'?

Peratus yang tinggi menunjukkan Rintihan Rakyat adalah BENAR.

Pendekatan perlu kepada PERUBAHAN.

PEMBANGUNAN LAMAN RAKYAT

Sebuah laman maya yang lengkap berasaskan struktur yang kukuh serta cukup besar untuk menampung keperluan jutaan rakyat. Pendaftaran secara automatik sesudah mencapai umur 21 tahun dimana 'kata laluan' akan dikirimkan secara berdaftar ke alamat terakhir didalam kad pengenalan.

Applikasi telefon pintar juga disediakan dimana penggunaan data semasa melayari laman ini dikecualikan dari sebarang bayaran (untuk semua syarikat telco).

Laman ini menyediakan paparan umum serta paparan peribadi. Untuk paparan umum,

- Perbelanjaan / Perolehan semasa Negara dan Negeri.
- Projek-projek yang bakal dilaksanakan (Negara & Negeri).
- Rumusan pengurusan Negara serta Negeri (Ahli parlimen, ADUN, Ketua-ketua Jabatan dan lain-lain)

Untuk paparan peribadi,

- Status pengguna samada pelajar, bekerja, berniaga, menganggur, berkahwin, OKU, taraf pendidikan, jumlah tanggungan, keturunan (untuk yang campur, keturunan bapa menjadi sandaran) dan sebagainya.
- Kedudukan kesihatan kritikal (Pengesahan diperlukan).
- Kenyataan pusat pengajian, syarikat tempat bekerja, syarikat perniagaan sendiri atau sumber pendapatan (freelance, pekerjaan sementara, 3D, harta sewaan atau sebagainya).
- Kawasan Undian (Perlimen dan Negeri).
- Undian yang masih terbuka, yakni undian terhadap projek yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Tempatan yang melebihi satu nilai (yang boleh ditetapkan kemudian), dimana ianya perlu memperolehi sekurang-kurangnya 65% undian rakyat sebelum projek tersebut boleh dilaksanakan. Undian dibuka berkategori Negara (yakni terbuka kepada semua rakyat), Negeri (hanya mereka yang tinggal didalam negeri terbabit) dan Tempatan (hanya mereka yang tinggal didalam daerah atau jajahan itu sendiri). Mereka-mereka yang mengundi sebelum tamat tempoh undian akan diberi insentif pengurangan cukai, ini menggalakkan orang awam memberi lebih tumpuan terhadap pembangunan Negara.
- Kemasan Data Percukaian.

PERKHIDMATAN AWAM & HAK ASASI

- TIDAK diniagakan, bayaran perkhidmatan berdasarkan modal yang dikeluarkan.
- Pengambilalihan semua entiti hak asasi, jalanraya, air, elektrik, sistem kumbahan dan sebagainya.
- Penyerapan Pekerja serta Latihan semula. Entiti PLUS misalnya, seramai 2500 orang pekerjaanya perlu diserapkan ke sektor lain.
- Bumbung untuk semua, tanpa mengira kaum, kesemua rakyat berhak mempunyai tempat tinggal yang cukup baik untuk didiami manusia.
- Untuk perkara diatas, pusingan kos pembinaan yang munasabah perlu. Dari kos bahan binaan serta kos buruh binaan perlukan ketelusan tanpa pihak ketiga yang mengaut keuntungan ditengah jalan. Penggunaan tenaga dari Angkatan Tentera (semasa tiada keperluan peperangan) boleh difikirkan. Elaun khas diberikan kepada mereka semasa bertugas menyiapkan pembinaan rumah-rumah ini.

PERCUKAIAN

- Negara perlukan dua tabung cukai yang berbeza, perolehan dari sumber yang sah halal dan perolehan yang tidak dapat dijamin. Dimana penggunaan sumber halal adalah untuk membayar gaji pekerja Islam, pembinaan Masjid dan apa sahaja pembiayaan yang perlukan pendapatan yang halal. Untuk perbelanjaan lain-lain, dana dari tabung yang tidak dapat disahkan boleh digunakan.
- GST dimansuhkan kerana dua sebab yang nyata,
 1. Mereka yang tidak sepatutnya dicukai terinaya.
 2. Golongan pembayar cukai sediakala terpaksa menambah peratus cukai yang dibayar. Sebagai contoh, cukai maksimum persendirian adalah 25%, GST walaupun disebut 6%, sebenarnya lebih dari itu kerana barangan bertukar tangan banyak kali sebelum sampai kepada pengguna terakhir. Secara rambangnyanya cukai GST boleh mencecah 10 atau 15% daripada harga asal sesuatu produk. Ini mengakibatkan cukai yang perlu dikeluarkan oleh seseorang pembayar cukai maksimum mungkin

mencecah 35 atau 40% dari pendapatannya.

- Semua Rakyat Punyai Data Cukai (Laman Rakyat).
- Nombor Kad Pengenalan adalah Nombor Cukai serta gantian nama untuk daftar masuk Laman Rakyat.
- Setiap rakyat dimestikan untuk mengemaskinikan Penyata Cukai setahun sekali. Baba-bapa serta Ibu-ibu yang telah lanjut usia dan tiada kepandaian berkomputer perlu kepada anak-anak atau waris terdekat untuk menolong golongan ini mengemaskinikan rekod cukai mereka.
- Kegagalan mengemaskini akan dituruti dengan pengeluaran surat berdaftar kerumah. Dalam sesuatu tempoh yang akan ditentukan kemudian, sekiranya masih gagal, maka para pegawai LHDN akan membuat lawatan susulan (kekurangan pegawai? ingat kepada penyerapan para pekerja dari PLUS, Syarikat AIR dan sebagainya..).
- Sistem kerangka belakang yang mempunyai pautan kepada,
 1. Kesemua data asas pengguna untuk setiap bank diMalaysia.
 2. Kesemua harta berdaftar (Rumah, Tanah, Kenderaan dan sebagainya).

KESIHATAN

- Permohonan bantuan perubatan atau sokongan melalui media masa DILARANG sama sekali.
- Kos Perubatan kritikal akan ditanggung penuh oleh Kerajaan (hanya perlu kepada lapuran yang disahkan diLaman Rakyat).
- Membesarkan Hospital serta Pusat Rawatan sedia ada serta menambah jumlahnya dari masa kesemasa berdasarkan statistik penduduk di Laman Rakyat.
- Menambah kakitangan serta latihan lanjutan berdasarkan nisbah penduduk.
- Menilai kos mesin perubatan serta ubat-ubatan secara terus dari pembuat tanpa pihak ketiga.

PENDIDIKAN

- Yuran pengajian 100% percuma sehingga keperingkat ijazah pertama. Peluang diberikan hanya sekali seumur hidup, sekiranya gagal, ulangan di pusat pengajian sama atau yang lain akan dikenakan bayaran yang sepatutnya.
- Kemasukkan ke Universiti Awam berdasarkan,
 1. Kelayakkan Akademik serta Aktif dalam bidang ko-kurikulum.
 2. Peratusan Penduduk (Menurut statistik terkumpul Laman Rakyat, sebagai contoh, Melayu 40%, Cina 35%, India 15%, Kadazan, Iban, Murut dan lain-lain 10%, maka peratusan pelajar juga akan menurut peratusan ini).
- Pelbanyakkan penawaran kursus-kursus praktikal diperingkat diploma dan ijazah. Kurangkan kursus-kursus yang bersandarkan seni dan abstrak (bukan dihapuskan tetapi DIKURANGKAN kerana jumlah permintaan dibidang ini amat terhad).
- Pembubaran Sekolah Jenis Kebangsaan (untuk semua Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan, sekolah tajaan swasta boleh teruskan). Guru-guru setiap sekolah dipindahkan dari satu sekolah ke sekolah yang lain pada suatu jangka masa yang ditetapkan. Langkah ini diambil untuk menghilangkan perasaan jemu serta tidak menjadi 'complacent'.
- Bahasa Malaysia menjadi Bahasa pengantar untuk kesemua matapelajaran kecuali matematik dan sains yang diajar didalam Bahasa Inggeris. Bahasa Ibunda pelajar bukan Melayu boleh dipelajari sebagai subjek elektif. Untuk mencukupkan kelas bahasa ibunda (untuk sesetengah sekolah yang amat kurangnya pelajar bukan Melayu) pelajar Melayu juga boleh dijemput untuk pengajian bahasa ini.

PERKASAAN PERTANIAN

- Memberi penekanan terhadap pengeluaran makanan yang mencukupi untuk keperluan rakyat tanpa keperluan terhadap impot.
- Membuka peluang pekerjaan yang besar dalam bidang ini serta menitik beratkan kemajuan pertanian untuk menambahkan hasil tani.
- Menguatkan industri sokongan,
 1. Industri Mesin Pertanian
 2. Industri Pemantauan Pertanian
 3. Industri Kimia dan Bio Pertanian
 4. Industri Pengilangan Produk Pertanian
 5. Industri Penghantaran
 6. Industri Perikanan

PERUNDANGAN

- Pemulangan kuasa Raja-raja berdasarkan prinsip 5 Rukun Negara. Sebagai contoh, pembatalan rang undang-undang NSC setelah Agong tidak berkenan akan perlaksanaannya.
- Perlantikan atau Pemberhentian Pegawai Tertinggi Undang-undang bebas dari kuasa politik. Yakni ianya hanya berada ditangan Agong yang memerintah. Pegawai-pegawai ini termasuklah para Hakim, Pendakwa Raya, Pengarah SPRM, Pengarah SPR, Ketua Polis serta Panglima Angkatan Tentera.
- Untuk pengurusan semasa, pegawai-pegawai ini masih tertakluk dibawah kementerian yang berkenaan.
- HUDUD digubal untuk dijadikan undang-undang pendua di Negara ini. Perlaksanaannya bergantung seratus peratus keatas pemilihan mereka-mereka yang disabitkan dengan kesalahan. Sekiranya mereka (yang disabitkan) memilih untuk dihakimi dengan undang-undang sivil, teruskan tanpa ada sebarang pertanyaan berbalik. Begitu juga jika sebaliknya. Pilihan ini diberikan kepada semua rakyat tanpa mengira ugama atau bangsa.

MEDIA

- Pegawai-pegawai Politik yang terdiri dari KESEMUA Parti Politik dijadikan sebuah jawatan kuasa saringan media. Ini membolehkan penyiaran yang tidak berat sebelah disiarkan media arus perdana. Saringan dilakukan untuk media penyiaran kerajaan dan swasta. Penapisan yang serupa juga dilakukan untuk media cetak.
- Langkah ini bertujuan untuk memajukan minda masyarakat terhadap pemikiran kolot yang telah sekian lama ditanam oleh media yang 'bias'.
- Penyebaran dasar-dasar politik serta perbincangan sihat dari kesemua pihak digalakkan. Tiada lagi sekatan baik pro-kerajaan atau pembangkang untuk mengengahkan isu-isu semasa.
- Sebagai Negara Islam, rancangan yang berbentuk keugamaan hanya terhad kepada Ugama Islam untuk kesemua media penyiaran.
- Kebebasan diberikan untuk penganut ugama selain Islam untuk bersiaran diInternet.
- Propaganda yang melampau serta fitnah yang boleh menjurus kepada perpecahan kaum serta mengocak kedamaian melalui media internet akan disekat dan penyebarannya akan disoal siasat melalui capaian IP.

Tun,

Sekiranya ada diantara pendapat-pendapat ini yang ingin Tun ketengahkan didalam perjuangan Parti baru Tun, saya ucapkan terima kasih. Dan juga, sekiranya ada keperluan, saya boleh membuat 'slide

presentation' untuk penerangan secara lebih terperinci mengenainya (penerangan ini TIDAK melibatkan sebarang kos. Sekiranya ada diantara dasar-dasar ini yang ingin digunapakai, gunakanlah sebaik-baiknya kerana saya tidak mendambakan sebarang bentuk balasan dari semua ini).

Terima Kasih Tun untuk ruangan ini.

98. [Log in to Reply faridina](#) Aug 3, 2016 4:10 AM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Karldai kata,

1MDB ni adalah projek politik yang telah dibisneskan.

Kami kata,

1MDB ni adalah kerja orang politik UMNO No.1 yang bertopeng bisnes untuk songlap berbillion wang 1MDB.

Karldai kata,

Orang buat bisnes perlu pandai merahsia.

Kami kata,

Orang buat bisnes untuk mencuri perlu pandai merahsia.

Karldai kata,

Rahsia bisnes, akan menentukan sukses bisnes.

Kami kata,

Rahsia bisnes menipu sudah terbongkar, akan menentukan quantum hasil rompak yang sukses disonglap atas nama bisnes.

Karldai kata,

Tak pandailah meniaga, kalau orang luar tahu rahsia bisnes kita.

Kami kata,

Banggang apa? meniaga untuk mencuri, jangan nak kalau-kalau orang luar dah tahu pun rahsia bisnes penyamun tarbus Najib Aljolo dengan kaldai-karldainya.

Nota : Kalau boleh tingkatkan lagi konten karangan cik karldai manis bibir pink jambu Ajib Aljolak ya.

Lemah lembik macam orangnya.

Maaf tak dapat digredkan.

Terima kasih kerana memberi ruang Tun.

Wasalam.

p/s – Suka baca komen pakpandir08 kepada jambu Najib ni semalam cerita bab jurujual ya. Budak ni sah2 bukan banggang tapi bengap macamana dia orang boleh rekrut dia jadi siber trooper upahan najib (stun) entah2 kira belakang ni!

Oh ya Pak Ajib pergi Indon je ke karlstun dekat sangat tak puas naik jet baru. Pergilah jauh sikit US ke, UK ke baru puas naik jet sambil bayang peluk2 patung barbie, bini yang macam ..

99. [Log in to Reply Karl @ www.karl-iskandar.ml](#) Aug 3, 2016 12:36 AM

DrM banyak buat andaian dan lempar tuduhan tanpa bukti.

Sebab itulah sampai sekarang cubaan DrM tidak berjaya. Hingga terpaksa guna khidmat DoJ utk kalahkan saingan.

Saya syorkan DrM cepat bangunkan produk sendiri dan pasarkan secara budiman. Tak perlu tipu atau buat cerita pelesu.



100. [Log in to Reply pakpandir08Aug 2,2016 11:47 PM](#)

Kepada Karl,

Cerita tentang jurujual kamu terpesong dari realiti.

Dr M bukannya mengutuk produk orang lain ... Dr M mengutuk kerana beliau mendapati jurujual lain menipu untuk mengaut keuntungan secara haram

Walaupun Dr M cuba untuk menyedarkan orang lain, namun ia tidak berjaya secara keseluruhan. Sebab itu Dr M berhasrat untuk mencipta produk baru agar orang yang sedar mempunyai peluang untuk cuba dengan produk baru. Tinggal sahaja yang bangang-bangang seperti saudara Karl terus ditipu / berkomplot untuk menipu

101. [Log in to Reply sibotakAug 2,2016 10:31 PM](#)

Jadi tanda soal ?

Mengapa 1MDB yg telah di siasat oleh AG Negara , di Lafaz oleh PM Najib sendiri
Juga sebagai Pengetua no 1 1MDB , Bank Negara , PAC dan sebagainya
Kononya sudah siasat 1MDB tetapi tidak ada Satu pun salah laku
Sedangkan wang berbillion berjalan menuju kepada Kehancuran Negara
Siasatan yg telah dilakukan di Malaysia , di Tanah Air 1MDB sendiri

TIDAK ADA SATU PUN YG BERSALAH DAN SIASATAN DI HENTIKAN BEGITU SAHAJA
SEDANGKAN AG LUAR US , SINGAPURA ,SWISS DAPAT KESAN
AKAN BANYAK PENIPUAN & KECURIAN DARI 1MDB

Khairan juga kenapa US & Singapura enggan menamakan siapa yg mereka tahu
Dalang di sebalik 1MDB
Sedangkan mereka merampas harta juga wang kita begitu sahaja

Mereka mesti beri kita penjelasan sepenuhnya pada kita sebab harta kita dirampas mereka

Kita berhak tahu KENAPA ? SIAPA ? akan hak kita yg mereka merampas begitu saja
Kenapa Kerajaan kita begitu Dayus tidak bersuara akan hak kita
lalah takkan rampas harta kita yg berbillion tanpa huraian dan fahaman

Serupalah juga kita ini di rompak lagi secara terang terangan

Bolihkah kita pula merampas hak mereka dengan memberi kenyataan yg samar ?

Seharusnya jika mereka tahu ini wang kecurian hasil dari Lendir 1MDB , Hak Malaysia
Mereka seharusnya pulangkan pada yg Am punya
Dan menghukum mereka yg di sabit kesalahan

Dan Takkan lah Polis Malaysia , AG Malaysia juga PM Najib
Tidak tahu Siapa punya angkara hingga sekarang
Cakap nak bertindak keras tapi Habuk pun takdaa

Takkan mereka biarkan persalah besar dan lepaskan mereka setelah
menggugat & memalukan 1 Malaysia begitu sahaja

Besok ini Beruk Simpanan Malaysia akan buat yg lagi Besar lagi

Sungguh Does not make any Sense

TAKKAN TIDAK ADA YG BERSALAH ?

Tukang Kebun ke ? Pak Cik Security ke ? atau mungkin juga Tukang Masak 1MDB

102. [Log in to Reply ahalimr](#) Aug 2, 2016 9:58 PM

Baru selesai makan malam bersama keluarga. Hidangan nya ala kadar yang termampu sebagai rakyat marhain. Ikan bilis goreng, kari sardin, kankong chelor cicak sambal dan nasi panas. Walaupun simple tapi sedapnya Tuhan je yang tahu, mungkin sebab hasil duit titek peloh sendiri dan bukan dari hasil duit rompak. Kau Jlb dah makan malam ke. rentu hidangannya beranika jeniskan. Bolih telan ke atau telan nasi macam telan batu.. Kalau rasa macam telan batu senang je, suroh kah mah tolak masuk dengan batang paip atau batang penyapu. Kalau tak masuk juga suroh dia jolok ikut lubang buntot, macam masukkan ubat untuk bayi yang deman panas. Janji masuk perut. Aku faham sangat bukan senang nak makan makanan hasil duit haram. Malam nanti kalau tak bolih tidor dan menyampah tengok orang sebelah yang palsu dari hujung rambut sampai hujung kaki, kau bayangkan saja Atantuya yang tidor sebelah kau. Kalau semua ni tak jalan juga, jangan terjun bangunan, tapi guna duit berbillion yang sebat dari 1MDB untuk beli ketenangan dan kebahagiaan. Ia mungkin ada dijual digedong2 membeli belah terkenal saperti di London. Cash is king, jadi kau bolih beli apa saja yang kau mahu. Kalau tak cukup duit 1MDB, kau guna la duit beratus juta peninggalan bapa dan atuk kau saperti yang pernah kau cakap satu masa dulu. Rasa2 duit tu belum habis anak tiri kau guna untuk berjudi di Las Vegas.. Karl (dai) kalau nak ikut nasihat ni pun bolih juga sebab tak kena bayar juta2 macam penasihat yahudi kat pejabat pm. Nasihat bohoh ni free beb.

103. [Log in to Reply MalayanPartisan](#) Aug 2, 2016 8:21 PM

Greetings Tun & Readers,

I would like to highlight the following and how it has not caught anyone's attention?

Please proceed to the following link and see the extended corruption of this individual and his family.

<http://malaysiaflipflop.blogspot.co.uk/2014/03/the-other-razak-where-money-will-ruin.html>

How long do the people of Malaysia have to put up with this sort of nonsense?

Nazir was involved in outright money laundering through CIMB where the Audit Committee Chairman was removed/replaced and he was cleared of any wrong doing! How do you as a Chairman of an Investment Bank do something like this??

Johari was a director at Deutsche Bank when it as mandated lead arranger for 1MDB syndicated the loans. He was also instrumental in the Perak constitutional crisis.

His son Nizar was a Director at Deloitte when 1MDB was audited by them and Nizar himself signed off the Audit Certificate.

There is also the recent law suit by Primus Pacific Partners against Goldman Sachs relating to the EON Capital deal where all brothers were involved by virtue of Nazir providing banking services through CIMB, Nizam and Johari sitting in Hong Leong Boards and Najib providing approval.

Please do something about this. One family is breaking the very foundations of our country. The world needs to know.

104. [Log in to Reply Karl @ www.karl-iskandar.ml](#) Aug 2, 2016 8:21 PM

DrM masih lagi merungut tentang UMNO, walhal antara mereka berdua sudah lama tiada ikatan. Sudah terminated.

Sepatutnya, DrM bercerita tentang gagasan parti baharu, produk beliau yang akan merubah landskap politik Malaysia.

Ibarat seorang jurujual yang kurang integriti, DrM mengutuk dan menghentam produk orang lain.

Seorang jurujual yang bagus, akan menceritakan tentang kebaikan produk sendiri. Tak gitu?



105. [Log in to Reply MalayanPartisan](#) Aug 2, 2016 8:20 PM

Greetings Tun & Readers,

I would like to highlight the following and how it has not caught anyone's attention?

[Please proceed to the following link and see the extended corruption of this individual and his family.](#)

[How long do the people of Malaysia have to put up with this sort of nonsense?](#)

[Nazir was involved in outright money laundering through CIMB where the Audit Committee Chairman was removed/replaced and he was cleared of any wrong doing! How do you as a Chairman of an Investment Bank do something like this??](#)

[Johari was a director at Deutsche Bank when it as mandated lead arranger for 1MDB syndicated the loans. He was also instrumental in the Perak constitutional crisis.](#)

[His son Nizar was a Director at Deloitte when 1MDB was audited by them and Nizar himself signed off the Audit Certificate.](#)

[There is also the recent law suit by Primus Pacific Partners against Goldman Sachs relating to the EON Capital deal where all brothers were involved by virtue of Nazir providing banking services through CIMB, Nizam and Johari sitting in Hong Leong Boards and Najib providing approval.](#)

[Please do something about this. One family is breaking the very foundations of our country. The world needs to know.](#)

106. [Log in to Reply sydra](#) Aug 2, 2016 4:35 PM

Ramai kt site ni tulis fakta2 yang orang dh tau. Yang tak tau tu buat2 je. Bangga Tun berlawan menyelamatkan Malaysia pada usia begini. PM kita pulak seolah2 nak bukti kan CASH IS KING. Duit boleh buat apa saja. Rakyat perlu bangkit berjuang seperti yg belaku di Turki. Ahli UMNO yg bangkit pulak ada 2 sebab.

1. Demi negara
2. Dedak tak dapat.

Yang mendiamkan diri tak leh disalahkan kerana mereka2 ni tengah tunggu parti baru so bole join. AG kita akan bertolak ke US untuk "work with" US—to AG — wayang dh abis

107. [Log in to Reply Hajar](#) Aug 2, 2016 3:58 PM

Salam Dearest YAB Tun,

1. As I've said earlier, only those 'dumb people' (dungu) still do not know who 'Malaysian Official 1' is (or continue to 'bersandiwara / berlakon'). They are still in denial and still do not want to accept the truth. 1MDB is involved in kleptocracy and this is an undeniable FACT. Our PM happens to be the Chairman of 1MDB Board of Advisors and also the Finance Minister (with so much authority/power). Is he so ignorant or just plain stup*d (bang*ng)?

2. Allow me Tun ((terpaksa melencong dari topik kerana kerap lihat perkara sama diutarakan):

Kepada Sdr 'Cruze', anda kerap membangkitkan soal judi dan pusat2 maksiat. Berikut pandangan saya.

Judi, arak, pelacuran, pusat2 hiburan. (dan lain2 kegiatan maksiat) semuanya berkait rapat. Saya harap anda buat 'research' atau pembacaan tentang kaitan kongsi2 gelap dalam hal ini (termasuk JUDI). Juga kaitan 'wang haram', pusat2 hiburan dan lain2 kegiatan haram/ maksiat dan kejadian2 tembak yang semakin berleluasa (saya sebut hal ini kerana ada yang bangkitkan soal kejadian tembak yang semakin berleluasa).

Sila lihat STATISTIKS tentang siapa pemilik2 pusat2 hiburan ini (berdasarkan kaum; kelulusan lesen premis) dan juga siapa mangsa2 pembunuh2 upahan. I hope you can be fair in your evaluation (opinion) of this whole scenario.

Menyalahkan pihak berkuasa semata-mata adalah tidak adil (bukan jalan penyelesaian). Sila beri perhatian juga apa tugas 'tonto' dan samseng (semasa serbuan atau sebelum serbuan pihak berkuasa). Juga beri perhatian kepada si Pelaku (yang berjudi dan buat kesalahan).

Penguat-kuasaan memang penting, tapi lihat pula sikap majoriti rakyat Malaysia. Kena saman dengan Polis pun (contohnya untuk kesalahan2 jalanraya seperti melebihi had laju), ada yang maki-hamun Polis dan masih rasa diri tidak bersalah dan penguat-kuasa yang salah (ini pengalaman / pemerhatian saya). Melanggar lampu isyarat juga biasa. Bila kena tahan, ada yang tawar beri suapan.

Yang peliknya yang 'tawarkan' suapan (perasuah – tapi mati2 tidak akan mengaku sebagai perasuah) ini jugalah yang akan cerita pada orang lain yang Polis (penguatkuasa) makan rasuah. Seingat saya, tidak pernah lagi ada sesiapa yang minta rasuah dari saya dalam apa juga situasi (saya bayar saja denda / saman; tiada rundingan; saya bagi contoh ini sebab saya tidak pernah ditangkap berjudi untuk beri contoh berjudi). Biasanya orang yang beri rasuah ialah mereka yang mahu kurangkan kos untuk saman (atau untuk memudahkan kerja). Contohnya, jika bayar saman, RM150 (at least), tapi 'suapan' mungkin dalam RM30-50 saja. Sila, baca berita di bawah (ada kaitan dengan 'gangsters' dan premis2 hiburan/ construction sites).

<http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/gangsters-on-mean-streets>

Judi juga berleluasa di Internet. Ini salah siapa ye? Bagaimana pula dengan segala macam SMS yang saya (saya percaya orang lain juga dapat SMS sebegini – sudah block tapi nombor lain pula diguna) saban hari dapat dari nombor2 yang tidak dikenali yang menawarkan pelbagai jenis JUDI (betting/gambling)? Siapa pula yang patut kawal H/P setiap individu terutama remaja? Ibu-bapa? Penguatkuasa? Pada saya, yang paling bertanggung-jawab dalam hal mengawal diri dari terjebak dengan judi atau lain2 maksiat ialah DIRI SENDIRI (yang bukan lagi kanak-kanak). Didikan agama dari ibu-bapa (penjaga) amat penting dalam hal ini. Penguatkuasaan cuma boleh membantu (bukan faktor utama dalam menangani judi/ arak/ maksiat).

Thanks Tun.

*** May Allah S.W.T. bless Tun and family ***

108. [Log in to Reply Praxis](#) Aug 2, 2016 2:45 PM

Mukhriz correctly points out delay to due to race, religion, and nation argument

These loyalties sadly not going to stop NSC and martial law ala NOC.

If the checks and balances of a monarchy also failing due to our own inadequacies, when are we going to acknowledge it?

The godly suffer at the hands of the godless, who have blood on their hands, in the name of race, religion, and nation.

109. [Log in to Reply umranrc](#) Aug 2, 2016 2:36 PM

Salam Tun,

Untuk mengulas tentang UMNO ni rasanya kurang rajin sedikit. Bukan apa, persatuan itu sendiri tiada salah apa-apa pun kerana dasar penubuhannya untuk kebaikan. Tetapi malang sekali dasar ini telah disalah-ertikan oleh sebilangan ahli-ahlinya. Terasnya sekarang ini, apabila mendapat sokongan, perkara pertamanya ialah bagaimanakah caranya untuk menambah kekayaan sendiri. Tidak perlulah saya huraikan perkara ini lebih lanjut lagi kerana kerosakkannya sudah ditahap kronik dan pemulihannya hanya boleh berlaku apabila sokongan tidak lagi diberikan. Selepas terduduk barulah persatuan itu sendiri mula menyuluh diri sendiri untuk mencari serta memahami apakah kesilapan yang telah dilakukan selama ini. Insya Allah pembaikan boleh disempurnakan selepas itu.

Salam Saudara Neezam72,

Didatangkan khas untuk saudara Neezam,

Melalui capaian [laporan PAC](#) ini, sila rajinkan diri untuk membaca 3 perenggan terakhir yakni dimukasurat 106 yang dikepilkan dibawah ini;

“Apabila menyemak Laporan Akhir Jabatan Audit Negara dan menerima penjelasan 1MDB, secara rumusan PAC berpendapat bahawa terdapat kekangan dan kelemahan tertentu oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB.

Secara khusus, PAC berpendapat bahawa mantan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi perlu mengambil tanggungjawab untuk kelemahan dan kekangan-kekangan tersebut.

Oleh itu, pihak agensi penguatkuasa diminta untuk membuat siasatan keatas Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dan **lain-lain pengurusan yang berkaitan.**”

Agak-agaknya siapakah lain-lain pengurusan yang disebut itu? Jawapannya boleh ditemui didalam halaman 14, perkara 5.1.2 **Struktur Tadbir**

Urus dan Organisasi Kumpulan 1MDB. Perkara ini dengan terang lagi jelas menyatakan Dato’ Sri Najib bertanggungjawab untuk sebarang perubahan undang-undang syarikat, perubahan kedudukan pegawai-pegawai syarikat dan yang paling membinasakan adalah aturan kewangan syarikat.

Oleh itu saudara Neezam72, diharap janganlah cuba untuk menjual kata-kata yang mengatakan ‘sehingga hari ini, tiada bukti kukuh’ atau sebagainya. Ini baru siasatan dalam Negara, saya tidak lagi menyentuh apa-apa yang dilaporkan oleh penyiasatan luar. Saya rasa tidak perlu terhadap itu, bagaimanapun, sudahkah Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dipanggil oleh pihak berkuasa untuk siasatan lanjut seperti yang dilaporkan oleh PAC? Sudah tentu belum kerana untuk memanggil beliau berseorangan sahaja tidak akan mencukupi selagi **lain-lain pengurusan yang berkaitan** tidak dipanggil sekali.

Terima Kasih Tun.

p/s – faridina, kerja sekolah yang cikgu bagi hari tu dah siapkan? Saya belum lagi... hahaha... cadang nak tiru faridina punya... hahaha...

110. [Log in to Reply Aktivis Islam](#) Aug 2, 2016 2:02 PM

Assalamualaikum Tun,

Nak tergelak tgk situasi negara kita skrg ni. Yg bersalah tu makin terang2 dan rakus tambah masalah. Rakyat ygg rasa tertindas pula masing2 tak puas hati bila pemimpin2 umno beria2 menegak benang basah. Sultan2, raja2 dgn agong pula apa peranan? Oh maaf mereka cuma boneka. Kita tak perlukan boneka, Kita tak perlukan politik (nabi berpolitik? LOL), kita cuma perlu pemimpin (pegawai kerajaan) yg adil dan amanah. Kelakar juga bila Trump yg terkenal ikon usahawan hati kering, manipulasi, judi etc. kini disokong org islam atas polisi2 barunya jika dia menang. Haru biru dunia oleh politik. Terus berpolitik saudara2 sebangsaku, ketepikan islam. "Politic is 1st class".

111. [Log in to Reply z2zAug 2,2016 1:15 PM](#)

Najib curi duit, rakyat kena bayar ! – Anina

<https://youtu.be/quljJRAY3aY>

ROSMAN MANSOR – RAHSIA TERBONGKAR!

<https://youtu.be/z46Ba4GbzCc?list=PLzaF4x2qFjiRW3luzIVp0gFVdGABrgyDK>

DUIT RAKYAT-> MALAYSIA-> UMNO-> 1MDB-> PETRO SAUDI-> JHO LOW-> NAJIB-> ROSMAN

112. [Log in to Reply zuluAug 2,2016 12:52 PM](#)

Current UMNO leaders who is supporting Najis should be remembered well for next election. These slaves proved that their luxurious life is more important than the country.

Once Najis go down, an inquiry commission may be setup to investigate his scandal, his family members and slaves wealth, including AG, IGP etc etc.

